# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 35 | RABU 30HB. OGOS, 1978. | رابو 26 رمضان 1398 | PERCHUMA



Dayang Hajjah Siti Ara.

# QARIAH KITA DI-SAMBUT DGN MERIAH

BERAKAS.—Brunei telah menduduki tempat ketiga dalam bahagian qariah di-musabaqah membacha Al-Kor'an perengkat antarabangsa yang telah berlangsong di-Kuala Lumpur pada minggu lalu.

Kejayaan itu telah di-perolehi melalui johan qariah negeri ini, Dayang Hajjah Siti Ara binte Haji Idris dengan mendapat 86.5 markah.

Dalam musabaqah kali ke-19 yang di-anjorkan oleh Kerajaan Malaysia itu, Puan Hajjah Rogayah bte Sulong dari Malaysia telah munchol sa-bagai johan dan tempat kedua dimenangi oleh qariah dari Thailand, Fatimah bte Haji Madiyah.

Ketibaan perwakilan kita di-Lapangan Terbang Antarabangsa di-sini pada petang hari Isnin lalu telah di-berikan sambutan sederhana tetapi meriah.

Beratus2 orang termasok Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain, Timbalan-nya, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, pegawai2 kanan JHEU dan sanak saudara perwakilan itu telah berada di-lapangan terbang untok mengalu2kan ketibaan rombongan tersebut.

Sa-baik2 sahaja Dayang Hajjah Siti Ara turun dari kapalterbang beliau telah di-tabori dengan beras kuning oleh Datin Musnah bte Haji Mohd Yusof, isteri Y.A.B. Menteri Besar dan Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris, isteri Y.B. Setia Usaha Kerajaan.

Ketibaan qariah dan perwakilan kita itu juga telah di-sambut dengan pukolan hadhrah oleh beberapa buah pasokan yang sedia menunggu sejak awal lagi.

Kemudian Dayang Hajjah Siti Ara dan rombongan telah di-arak melalui jalan2 di-ibu negeri dan seterus-nya ka-tempat kediaman-nya di-Kampong Sungai Besar.

Ini ada-lah kejayaan kali ketiga bagi Brunei dalam musabaqah membacha Al-Kor'an perengkat antarabangsa itu. Awang Haji Mashud bin Awang Haji Damit telah berjaya mendapat ketiga dalam tahun 1973 dan menjadi joahn dalam tahun lepas.

Bagi Dayang Hajjah Siti Ara, ini ada-lah merupakan kejayaan-nya yang pertama sejak mewakili negeri ini ka-musabaqah buat kali ketiga. Beliau telah mewakili negeri ini kamusabaqah itu dalam tahun 1967 dan 1968.

Dalam bahagian qari, wakil kita tahun ini, Awang Mohd Yusof bin Abu Bakar telah gagal mempertahankan kejohanan yang telah di-sandang oleh qari kita pada tahun lalu. Beliau mendapat tempat kelima dari 22 orang peserta yang mengambil bahagian.



Dayang Hajjah Siti Ara di-tabori dengan beras kuning sa-baik2 saja beliau turun dari kapalterbang.

## Melihat anak bulan Shawal 3hb Sept.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Ugama Islam Negeri Brunei dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan telah menetapkan tarikh untok melihat anak bulan Shawal bagi menentukan Hari Raya Aidil Fitri tahun Hijrah 1398.

Rombongan yang terdiri dari pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama kakitangan Jabatan Ukor akan pergi melihat anak bulan tersebut pada petang hari Ahad, 3hb September. Mereka akan melakukan penglihatan anak bulan itu di-tiga buah tempat — di-Bukit Tabor Bintang, Berakas; Birop Tabor Bintang, Tutong dan di-Lorong Tujoh, Seria.

Jika anak bulan Shawal dapat di-lihat pada petang itu, maka Hari Raya akan jatoh pada hari Isnin 4hb September, dan jika tidak nampak maka Hari Raya pada tahun ini akan jatoh pada hari Selasa 5hb September.

Pengumoman mengenai hasil penglihatan anak bulan Shawal itu akan di-buat melalui Radio Talivishen Brunei.

Hari Raya pertama dan kedua ada-lah hari kelepasan awam bagi seluroh negeri Brunei.

Sementara itu, sembahyang Hari Raya di-masjid2 dan surau2 di-seluroh negeri akan di-mulakan pada jam 7.30 pagi.

## *Berhari Raya ka-Istana*

DENGAN perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Istana Darul Hana akan di-buka sa-lama tiga hari, mulai pada Hari Raya Kedua.

Orang ramai boleh-lah mengadap dan menziarahi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mulai pukol 10.00 pagi hingga pukol 12.00 tengah hari, dan dari pukol 2.00 hingga pukol 4.00 petang.



# SEBAB KEMALANGAN SELALU BERLAKU

APA-KAH yang menyebabkan kemalangan ini (lihat gambar) berlaku? Jika pemandu-nya orang Islam, adakah alasan yang di-buat kerana mata-nya pening di-sebabkan ia berpuasa? Orang selalu membuat alasan bahawa kerana ia sedang berpuasa, maka segala2-nya tidak berjalan dengan baik — mata pening, badan lemah, mudah naik darah dan macham2 lagi. Sa-sungguh-nya perkara2 yang sa-umpama itu ada-lah dugaan2 yang harus di-tempoh dengan tabah, dan dari sudut ketabahan — jika ia benar2 dapat di-amalkan saperti fungsi2 puasa itu melateh diri kita supaya bersabar, tawakkal, bersifat tenang dan lain2-nya yang terlingkong dalam artikata disiplin diri itu, maka jika kita berjaya menguasai semua itu, segala kejadian yang tidak di-ingini oleh amalan berpuasa itu dapat di-elakkan.

Sungguhpun malang itu tidak berbau dan ia boleh berlaku bila2 masa jika ia di-takdirkan akan berlaku, akan tetapi kewaspadaan boleh mengurangkan kejadian2 saperti kemalangan2 di-atas jalan raya yang semakin meningkat sekarang. Pendek kata, jika kechuaian itu tidak dapat di-ganti dengan kewaspadaan, maka selagi itu kejadian2 tersebut sukar di-kurangkan apalagi untok dapat di-atasi.

Kemalangan dalam gambar ini berlaku di-hadapan Pusat Yunit Latehan — tidak jauh dari simpang Jalan Gadong. Ia berlaku beberapa minggu yang lalu ketika mana waktu itu hujan turun dengan lebat-nya dan menyebabkan pandangan kurang jelas dan keadaan jalan agak lichin. Chuacha yang sa-umpama ini memaksa sa-tiap pemandu supaya waspada dan jangan gupoh menghadapi-nya. Jika kurang pasti akan keselamatannya, ada-lah lebeh elok berhenti saja sebentar di-tepi jalan atau berjalan dengan perlahan. Jika kita terus "menggagahi" sedangkan hati kita "berkata2", maka perbuatan ini terkandong apa yang di-sebut dalam istilah chuai — menchuaikan diri kita sendiri — mendedahkan diri kita kapada kemalangan.

Faktor2 naluri manusia sa-umpama ini ada-lah satu2-nya yang amat membimbangkan pehak Pulis dalam usaha mereka untok mengurangkan kemalangan jalan raya di-Brunei.

Bulan lalu dalam permainan lalu lintas anjoran BSP, Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid ketika menyatakan kebimbangan itu, juga menyarankan bahawa 90 peratus dari kemalangan2 yang telah berlaku sa-jauh ini ada-lah berpuncha dari kechuaian pengguna2 jalan raya sama ada pemandu atau pejalan kaki. Ini ada-lah hasil penyiasatan yang di-lakukan oleh pehak Pulis.

Lihat muka 16



PEMIMPIN Tentera Pakistan, General Muhammad Zia-ul-Haq sedang beruchap di-upachara perasmian persidangan tersebut.

المؤتمر الإسلامي الآسيوي الأول

# oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ.ABD AZIZ JUNED

## Siri ke-empat

SELESAI uchapan Al-Sheikh Mohammad Ali Al-Harakan yang mengambil masa sa-lama kira2 15 minit, sekarang sampai-lah kapada uchapan perasmian oleh General Mohammad Zia-ul-Haq, yang beruchap dalam bahasa Urdu dengan gaya dan tekanan2 suara yang tegas, yang di-sambut sekali-sekala oleh hadhirin dengan takbir "Allahu Akbar! Allahu Akbar! Allahu Akbar!" Kami dapat mengikuti uchapan itu melalui alat pendengar, dan apa yang kami dengar itu, membayangkan si-penterjemah-nya berusaha benar2 untok meniru dan mengikut chara dan rentak suara Zia-ul-Haq, supaya kesan-nya tidak lari dari asal isi uchapan.

Pada petang itu juga terbit surat khabar DAILY NEWS (keluaran khas) sa-banyak empat muka, yang menyiarkan berita sekitar pembukaan rasmi persidangan, ia-itu beberapa jam sahaja salepas pembukaan. Tentu-nya-lah ini suatu tanda ada-nya chara berkerja yang chekap.

Di-muka paling depan, termuat-lah gambar persidangan di-mana General Mohammad Zia-ul-Haq sedang beruchap. Di-antara lain2 isi uchapan beliau itu ia-lah: "...Islam is the completest and the best religion. Its principles are eternal and it has everything to guide humanity to eternity. People who follow Islam will have the best of the two worlds...... with this background people continue to ask as why despite everything, the Muslims are in such a stage. This question is asked by many Westerners also. The reason being that many ulama, intellectuals and leaders do not practise what they preach......that most of the political and sosio-economic problems facing the Muslims of the world are due to the fact that we have failed to implement true Islam in our lives......unity of purpose in Islam is the paneca to all our ills and it is through unity, faith and discipline that Muslims can revive the glory of Islam." (Bahawa Islam ada-lah ugama yang lengkap lagi sempurna. Asas2-nya berkekalan dan ajaran2-nya pula mengandongi segala yang di-perlukan bagi membimbing manusia dari dunia hingga ka-akhirat. Siapa saja yang mengamalkan Islam akan mendapat kebahagiaan di-dunia dan di-akhirat. Dengan latarbelakang ini orang2 di-tanya kenapa umat Islam maseh berkeadaan terchichir. Jawab-nya, adapun ujud keadaan yang tidak menyenangkan dalam masharakat Islam hari ini bukan-lah kerana Islam, tetapi kerana penganut Islam termasok ahli cherdek pandai dan pemimpin-nya tidak beramal sebagaimana yang mereka uchapkan ......sebahagian besar daripada persoalan2 politik, sosial and ekonomi yang di-hadapi oleh umat Islam ada-lah di-sebabkan kerana kita telah gagal melaksanakan Islam sa-bagai chara hidup kita ...... Umat Islam mesti-lah bersatu untok menchapai matalamat2 Islam, dan ini-lah satu2-nya chara merawat persoalan2 yang kita hadapi, melalui kesatuan, keimanan dan disiplin umat Islam akan dapat menchapai kejayaan saperti dahulukala).

KERTAS KERJA

Dalam masa pembukaan itu juga di-bahagi2kan kertas2 kerja persidangan, sa-banyak dua naskah tiap2 sa-orang, dalam dua bahasa: Inggeris dan Arab. Tiap2 satu-nya mengandongi hampir 150 muka surat.

Pada jam 11.00 pagi, diteruskan dengan memileh Pengerusi dan dua orang Naib Pengerusi. Juga menentukan mana2 lajnah atau seksi yang di-pileh oleh para perwakilan, yang akan di-masoki ketika perbinchangan petang nanti. Saya dan Pehin Datu Seri Maharaja memileh Seksi Share'ah yang mengandongi perkara2 dakwah, masjid dan haji. Tetapi oleh kerana seksi2 itu banyak, maka pada hari kedua kami berpisah, saya memasoki seksi berkenaan Golongan Minoriti orang Islam Di-Negara2 Bukan Islam. Sebab pada hemat saya, amat perlu di-ikuti perbinchangan mengenai-nya bagi mendapatkan perbandingan sekurang2-nya, apa dan bagaimana-kah bentok serta situasi kehidupan saudara2 Muslim kita di-negara2 bukan Islam dalam dunia ini? Ada-kah mereka itu hidup riang dan bahagia saperti kita juga, bebas dan merdeka dalam berfikir, berchakap dan beribadat?

Ini-lah objektif yang saya nampak kenapa saya perlu masok seksi yang membahas tentang golongan minoriti orang2 Islam, kerana kita tidak atau maseh belum banyak tahu berkenaan saudara2 kita orang Islam di-Turkistan dan Burma mithal-nya, walaupun ada kala kita dapat membacha tentang mereka itu dari akhbar2 atau majalah, tetapi tidak akan sa-terang atau sa-jelas sa-orang tokoh saperti Yussef Wali Shah Awralkirai, sa-orang pensharah Bahasa dan Kesusasteraan Arab di-Universiti Ankara dan selaku Naib Yang Di-Pertua Perhimpunan Kebangsaan Orang2 Karmi di-Istanbul, Turkey, yang berchakap hampir satu jam mengenai orang2 Islam yang hidup dalam enam buah negara2 yang di-kuasai oleh Komunis Soviet. Insha Allah, akan saya bentangkan kemudian hal ini.

Selain dua seksi yang saya sebutkan di-atas, ada empat lagi seksi yang lain:

1. Seksi berkenaan Al-Kor'-an dan penyibaran bahasa Arab.
2. Seksi kebudayaan, belia dan pelajaran Islam.
3. Seksi berkenaan sebaran 'am dan penerangan, dan
4. Seksi penyelaras.

SIDANG BERMULA

Sa-lepas sembahyang Dzuhor dan makan tengah hari, seksi2 akan mula bersidang. Kali ini bukan lagi di-hotel tempat menginap, tetapi di-tempat lain, di-bangunan Habib Bank Plaza, kira2 lima batu jauh-nya dari hotel. Perwakilan semua-nya terdiri dari 32 buah pertubohan dan negara di-Asia. Antara-nya ia-lah: Bangladesh, India, Pakistan, Indonesia, Jepun, Jordan, Kuwait, Lebanon, Malaysia, Sri-Langka, Thailand, Turkey, Bahrain, Brunei, Burma, Hongkong, Egypt, Afghanistan, Australia, Cyprus, Fiji, Korea, Nepal, New Zealand, Qatar, Trinidad, Amerika Selatan dan Utara, U.S.S.R., Saudi Arabia, Senegal, Islamic Secretariat, Rabetah Al-'Alam Al-Islami dan lain2 lagi.

Jumlah perwakilan bagi tiap2 pertubohan atau negeri yang di-wakili tidak-lah rata. Ada yang ramai hingga belasan orang pun ada, dan ada pula yang hanya sa-orang atau dua orang sahaja. Tiap2 perwakilan sa-buah pertubohan atau negeri itu, di-untokkan sa-buah kereta khas, dan jika ramai perwakilan dari negeri2 atau pertubohan itu maka bertambah pula jumlah kenderaan yang di-untokan kapadanya. Tetapi 32 buah kereta sudah pasti ada, mengikut jumlah negeri dan pertubohan2 yang menghantarkan wakil2-nya.

Jadi perjalanan dari hotel pada petang itu ada-lah ramai dan berderet2. Sebok sekali pegawai2 lalu lintas bertugas di-sepanjang jalan menuju ka-Habib Bank Plaza. Ini ada-lah biasa saja. Tetapi suatu pemandangan yang menarek, apabila kira2 sa-batu perjalanan, kami ternampak orang ramai berbaris di-kiri kanan jalan. Semakin lama dan dekat ka-tempat yang di-tuju, semakin tumpat manusia. Akhir-nya kami sampai di-depan bangunan Habib Bank Plaza, sa-buah bank yang terkemuka di-sini. Seruan2 "Allahu Akbar" bergema datang-nya daripada kumpolan orang ramai di-situ. Saya memandang kadepan, menolih ka-kiri dan kakanan, mendapati kumpolan2 itu tebal dan padat. Menurut yang di-fahamkan kapada kami, bahawa kumpolan orang ramai itu ia-lah orang2 Islam yang senghaja datang untok turut mengalu2kan saudara2 mereka yang sa-ugama, yang datang dari negara2 Asia. "Mereka itu tidak akan lari sehingga tuan2 keluar dari dewan persidangan nanti." kata pemandu kami.



GAMBAR atas pemandangan sa-belah hadapan bangunan Habib Bank Plaza tempat persidangan di-langsongkan di-mana sa-bahagian para perwakilan kelihatan sedang berdiri sa-belum masok ka-dalam dewan.

KAWALAN KETAT

Persidangan akan berlangsong selama lebeh dua jam. Bermula dari jam 3.45 hingga 5.45. Bangunan Habib Bank Plaza di-hias dengan poster2 kain yang mengalu2kan kedatangan para perwakilan dan memberi uchapan selamat bersidang. Pegawai2 keamanan yang berunifom berkawal dipintu2 masok. Mata dan gerak geri mereka mengawasi setiap yang datang. Orang2 yang ada di-situ semua-nya memakai lanchana. Tiap2 orang mesti memileki dua lanchana atau kad. Satu lanchana Rabetah dan persidangan, dan satu lagi lanchana khas yang di-keluarkan oleh pehak keselamatan yang chukop dengan gambar pemakai-nya berukoran passport. Saya ternampak beberapa orang telah di-tahan di-pintu masok kerana tidak memakai lanchana2 tersebut.

(BERSAMBONG)

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

30HB OGOS, 1978

# KEJAYAAN QARIAH BRUNEI

KALAU pada tahun 1977 yang lalu, dalam pertandingan musabaqah membacha Al-Kor'an Antarabangsa di-Kuala Lumpur, qari kita, Awang Haji Mashud bin Awang Haji Damit, menyandang sa-bagai johan pertandngan tersebut dan barang sudah tentu ia-nya mengharumkan nama Negeri Brunei di-kalangan antarabangsa; maka pada kali ini qariah kita pula, Dayang Hajjah Siti Ara binte Haji Idris sekali lagi telah mengetengahkan nama Negeri Brunei dalam pertandingan tersebut yang telah di-langsongkan di-Kuala Lumpur minggu lepas.

Dayang Hajjah Siti Ara binte Haji Idris dalam pertandingan musabaqah yang baru lalu itu telah mendapat tempat ketiga dengan menewaskan beberapa qariah handalan dari Asia Tenggara dan Asia Barat. Kejayaan Dayang Hajjah Siti Ara dalam pertandingan tersebut barang sudah tentu suatu berita yang mengembirakan bagi raayat Brunei sendiri di-samping ia-nya juga mengharumkan nama Negeri Brunei di-kalangan antarabangsa.

Bagi Dayang Hajjah Siti Ara pula, kejayaan beliau itu merupakan bak kata orang kita di-Brunei; "Berkat daulat Raja dan negeri," dan lebeh2 lagi berkat usaha yang gigih beliau sendiri di-lapangan pembachaan Al-Kor'an.

Qari kita pula, Awang Mohd. Yusoff bin Abu Bakar yang telah mendapat tempat kelima dalam pertandingan musabaqah itu, merupakan suatu kejayaan yang tidak dapat di-ketepikan — beliau juga telah dapat menewaskan beberapa qari handalan yang mewakili 22 buah negara dalam pertandingan musabaqah Al-Kor'an itu.

Kita menduga beberapa sambutan bagi mengalu2kan kejayaan qariah kita Dayang Hajjah Siti Ara, akan di-adakan sekali pun tidak sa-chara besar2an akan tetapi sa-chara sederhana pun memadai, sa-bagai tanda keshukoran kita kapada Allah s.w.t. kerana kejayaan beliau dalam bidang itu — ia-nya juga sa-bagai suatu galakan atau dorongan bagi qari dan qariah di-negeri ini pada masa2 yang akan datang.

Tentang pembachaan Al-Kor'an dalam pertandingan musabaqah Al-Kor'an yang baru lalu itu, menurut pengerusi-nya, "Mutu pembachaan Al-Kor'an pada tahun ini sa-makin bertambah baik dan menggalakkan". Bagi kita di-negeri Brunei ini, kemudahan mempelajari pembachaan Al-Kor'ran serta pelajaran ugama Islam itu telah di-sediakan oleh Kerajaan dengan seluas2-nya dan berharap kemudahan2 tersebut akan dapat di-gunakan dengan sebaik2-nya sesuai dengan chita2 kita menjadikan Islam itu sa-bagai suatu chara hidup yang lengkap.

Tidak shak lagi, raayat Brunei sangat sukachita dan turut bergembira atas kejayaan qariah kita Dayang Hajjah Siti Ara — dan kita berharap kejayaan-nya itu akan menjadi pendorong kapada qari dan qariah kita di-negeri ini.

# AMARAN KAPADA PEKEDAI2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pekedai2 di-negeri ini di-beri amaran supaya tidak akan menaikkan harga barang2 keperluan sempena menyambut Hari Raya Aidil Fitri ini.

Amaran tersebut telah di-keluarkan minggu ini oleh Pengawal Harga, Dayang Hajjah Jusnani binte Haji Lawie. Kata-nya, pekedai2 di-ingatkan supaya tidak akan menaikkan harga barang2 keperluan yang telah di-tetapkan harga-nya itu tanpa persetujuan Kerajaan.

Dayang Jusnani menyeru kapada orang ramai supaya melaporkan kapada pehak berkuasa jika mendapati mana2 harga barang2 yang di-naikkan harga-nya dengan tidak mendapat kebenaran. Tindakan2 akan di-ambil ka-atas pekedai2 yang engkar mematohi peratoran itu.

Pendudok di-Daerah Brunei/Muara dan Belait, boleh-lah menyampaikan segala aduan2 mereka berhubong dengan perkara tersebut kapada Yunit Peranchang Ekonomi atau Pengerusi Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait.

Bagi pendudok di-Daerah Tutong dan Temburong, hendak-lah melaporkan segala aduan2 mereka itu kapada Pegawai Daerah masing2.

## *Sambutan Hari Raya Aidilfitri*

TUTONG. — Badan Kesenian dan Kebudayaan Persatuan PERDA Kampong Penanjong akan mengadakan satu pementasan sambutan malam Hari Raya Aidil Fitri yang akan di-langsongkan di-Dewan PERDA pada 9hb September, 1978 mulai jam 7.30 malam.



SA-ORANG pedagang pakaian di-Tamu di-ibu negeri, Awang Haji Atan bin Kassim telah menyumbangkan derma wang bernilai $250.00 kapada Tabong Anak2 Yatim Daerah Brunei Muara. Derma tersebut di-sampaikan kapada Pengerusi Tabong itu, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin di-Pejabat Perpindahan Bandar Seri Begawan (gambar atas).

Jawatankuasa tabong itu akan membahagi2kan kutipan tersebut kapada anak2 yatim di-Daerah Brunei Muara dan meminta ketua2 kampong di-daerah tersebut menghantar nama anak2 yatim berumor 14 tahun kebawah kapada Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Damit di-Jabatan **Penchen** atau Awang Haji Sabli bin Haji Metussin di-Dewan Bahasa dan Pustaka.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan bersama2 dengan harga runchit yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai saperti berikut: —

| JENIS BARANG | | HARGA RUNCHIT |
|---|---|---|
| **Star Essences and Colourings : —** | | |
| Vanilla Essence | 1 oz | 85 sen |
| Banana Essence | 1 oz | 85 sen |
| Rose Essence | 1 oz | 85 sen |
| Orange Essence | 1 oz | 85 sen |
| Pineapple Essence | 1 oz | 85 sen |
| Almond Essence | 1 oz | 85 sen |
| Respberry Essence | 1 oz | 85 sen |
| Eggs Yellow Colouring | 1 oz | 75 sen |
| Chocolate Brown | 1 oz | 75 sen |
| True Blue | 1 oz | 75 sen |
| Silver and colour Balls | 1 oz | 45 sen |
| **Breakfast Cereal and Drinks : —** | | |
| Wheat Grem Plain | 2 oz | $4.00 |
| Wheat Grem W/Honey | 10 oz | $2.70 |
| Tang Breakfast Drjnk | 27 oz | $6.80 |
| Tang Breakfast Drink | 18 oz | $4.80 |
| **Chips : —** | | |
| Frito's Corn Chips Regular | 6 oz | $2.00 |
| Frito's Corn Chips King Size | 6 oz | $2.00 |
| Frito's Corn Chips Bar B.Q. | 6 oz | $2.00 |
| Frito's Cheetos Corn Puffs | 5 oz | $2.00 |
| Ruffles Potatoes Chips | 10 oz | $4.40 |
| Ruffles Potatoes Chips | 3½ oz | $1.80 |
| Gold Ribbon Potato Chips | 12 oz | $3.00 |
| **Cake : —** | | |
| Molly Fruit 7 Cherry Cake | 1½ lb | $6.50 |
| Dundee Fruit Cake | 1¼ lb | $5.80 |
| Vintage Fruit Cake | 1¾ lb | $6.00 |
| **Tea (Teh) : —** | | |
| a) The Lipton | | |
| (Kotak Bertanda Kuning) | 1 lb | $6.50 |
| (Kotak Bertanda Kuning) | ½ lb | $3.30 |
| (Kotak Bertanda Kuning) | ¼ lb | $1.70 |
| The Lipton | | |
| Berbungkus Bertanda Kuning) | 1 lb | $5.35 |
| Berbungkus Bertanda Kuning) | ½ lb | $2.75 |
| Berbungkus Bertanda Kuning) | ¼ lb | $1.45 |
| b) Teh Boh | — 500 gms | $4.70 |
| | — 250 gms | $2.40 |
| | — 100 gms | $1.05 |
| | — 50 gms | $0.55 |
| **Essence of Chicken : —** | | |
| Brand Essence of Chicken | | |
| (Regular) | 2¼ oz | $2.90 |
| (Junior) | 1½ oz | $2.20 |
| **Farley Rusk/Farlence Baby Food : —** | | |
| Farley Rusk Baby Food | 200 gms. | $4.40 |
| Farlence Baby Food | 250 gms. | $4.55 |
| **Cow and Gate Milk Powder : —** | | |
| B.M.P. | 1 kg. | $8.40 |

| JENIS BARANG | | HARGA RUNCHIT |
|---|---|---|
| 'M' | 500 gms. | $5.80 |
| **Marmite : —** | | |
| Marmite | 4 ozs. | $2.30 |
| Marmite | 8 ozs. | $4.00 |
| Marmite | 16 ozs. | $8.10 |
| **Chikril : —** | | |
| Chikril | 4 ozs. | $2.85 |
| Chikril | 8 ozs. | $5.30 |
| **Libby's Products : —** | | |
| Corned Beef | 340 gr. | $2.90 |
| Tomato Juice | 18 ozs. | $1.20 |
| Tomato Juice | 46 ozs. | $2.70 |
| Garden Vegetable | 16 ozs. | $1.35 |
| Peas and Carrots | 17 ozs. | $1.40 |
| **Soft Drink (Minuman Ringan dalam Tin) : —** | | |
| Sugar Cane Drink | sa-peti | $13.70 |
| Soya Bean Drink | sa-peti | $13.70 |
| Herb Tea Drink | sa-peti | $13.70 |
| Sunkist Orange | sa-peti | $13.70 |
| Coca-Cola | sa-peti | $13.70 |
| 7-Up | sa-peit | $13.70 |
| **Toothpaste (Ubat Gigi) : —** | | |
| a) Close-Up (Red/Green) | Small | $ .75 |
| Close-Up (Red/Green) | Large | $1.35 |
| Close-Up (Red/Green) | Family | $2.20 |
| Close-Up (Red/Green) | Economy | $2.85 |
| b) Colgate | Standard | $ .95 |
| Colgate | Large | $1.35 |
| Colgate | Extra Large | $1.85 |
| Colgate | Family | $2.40 |
| Colgate | Economy | $2.80 |
| c) Signal II | Small | $ .75 |
| Signal II | Large | $1.40 |
| Signal II | Family | $2.25 |
| Signal II | Economy | $2.95 |
| **Penyegar Udara : —** | | |
| American Beauty | 8 ozs. | $2.45 |
| Lily of the Valley | 8 ozs. | $2.45 |
| Lily of the Valley | 15 ozs. | $3.55 |
| Spring Bounquet | 8 ozs. | $2.45 |
| Spring Bounquet | 15 ozs. | $3.55 |
| Bathroom | 8 ozs. | $2.45 |
| Bathroom | 15 ozs. | $3.55 |
| Lilac Mist | 8 ozs. | $2.45 |
| Lilac Mist | 15 ozs. | $3.55 |
| Lemon Mist | 8 ozs. | $2.45 |
| Household Oil (3-in-one) | 3 ozs. | $2.00 |
| Easy-Off Window Cleaners Liquid W/Sprayer | 16 ozs. | $2.60 |
| Easy-Off Window Cleaners Areosal | 18¾ ozs. | $2.75 |
| Easy-Off Window Cleaners Liquid Refill | 27 ozs. | $2.65 |

Orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan talipon 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 kedai yang tidak mengikut harga2 yang di-sebut di-atas atau segala jenis barang2 keperluan yang lain bagi penyiasatan sa-lanjut-nya.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 2hb hingga 7hb Sept. 1978

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Birau | 2.9.1978 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 2.9.1978 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 2.9.1978 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | *4.9.1978 | Isnin | 2.00– 3.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | *4.9.1978 | Isnin | 3.30– 5.30 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | *5.9.1978 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | *5.9.1978 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Sekolah Melayu Dato Gandi | 6.9.1978 | Rabu | 8.30– 9.00 „ |
| Sekolah Melayu Serasa | 6.9.1978 | Rabu | 10.00–10.30 „ |
| Sekolah Melayu Mentiri | 6.9.1978 | Rabu | 10.45–11.15 „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 6.9.1978 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa | 7.9.1978 | Khamis | 3.15– 4.15 petang |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara | 7.9.1978 | Khamis | 4.30– 5.30 „ |

**Peringatan :** *4hb dan 5hb. September — Chuti Hari Raya Puasa.



YAM Pengiran Indera Mahkota Pg Muda Haji Kamaluddin (left) receiving the cheque from Syed Asayatullah.

# Air-Conditioning Seminar

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Air Conditioning Section of the Electrical Department is holding the second seminar on air conditioning subjects at the Churchill Memorial Lecture Theatre here today and tomorrow.

Lectures will be given by representatives of Regulators Private Limited Singapore who will also answer questions.

The lectures today will include introductions to the many types of controls and its availability in South East Asia and the basic control theory; advantages and disadvantages of three basic types of controls aspects namely electric, electronic and pneumatic controls; and applications of these three controls.

Tomorrow the lectures will touch on the applications of controls to various types of air conditioning systems; valves sizing techniques; miscellaneous controls and safety controls of air conditioning and ventilation systems; sizing of pneumatic pipes for controls and air compressors and introductions of control panels in general.

A small exhibition of typical control devices is also being held.

# More donations for orphans

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Brunei Muara District Orphans Fund last week received two more donations amounting to $535.00.

Both donations were handed over to the Chairman of the Fund, Yang Amat Mulia Pengiran Iidera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, who is also the Director of Resettlement, at his office here.

The first donation was three hundred and seventy-five dollars and came from stall holders at the tamu here.

The money was handed over by Awang Khamis bin Sulaiman on behalf of his colleagues.

The second donation was made by Halimah Trading Company and a cheque for one hundred and sixty dollars was presented to Pengiran Indera Mahkota by its proprietor, Syed Asayatullah bin Syed Kassim Shah.

A few days earlier the fund received more than $1,500 in three separate donations.

The money will be distributed to the orphans in the district during Hari Raya.

# Clinic for Lumapas

BANDAR SERI BEGAWAN. — The new clinic at Kampong Lumapas in the Brunei Muara District will cost $200,460.90.

The Government has just awarded the tender to a local contractor, Awang Haji Yaakub bin Haji Tengah who is to complete the job within nine months.

When completed it will contain among other things a doctor's room, an examination room, a treatment room an a waiting room.

There will also be a living quarters attached to it for the staff of the Medical and Health Department who will be managing the clinic.

# Associations hold meetings

BANDAR SERI BEGAWAN.—The newly formed Brunei Amateur Table Tennis Association will send a team of observers to the Asian Table Tennis Championship to be held in Kuala Lumpur later this year.

This was decided at the association's first meeting which took place at the Youth Centre here last week.

The meeting was attended by about twenty people including the Director of Welfare, Youth and Sports, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain, who is the patron of the association.

Also holding a meeting at the Youth Centre that day was the Brunei Automobile Association.

The meeting elected new office-bearers for 1978/1979 and discussed a motor cycle scramble to be held next month to mark the birthday of Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

# Pay tithes before Hari Raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Religious Affairs Department has reminded Muslims in the State to pay the annual tithes before the Hari Raya.

The tithe is a dollar eighty-seven and half cents each for Muslims in the Brunei District; a dollar ninety five eight cents each for those in Tutong and Muara areas; and a dollar ninety-three and three quarter cents each for those in the Belait and Temburong districts.

The department has appointed a total of a hundred and forty-three tithe collectors throughout the State.

# Debating contest

BANDAR SERI BEGAWAN. — The final of the Malay language debating contest for girls in secondary schools will be held at the SMJA Secondary School here at the end of next month.

It will be between the Ahmad Tajuddin Malay Secondary School from Kuala Belait and the Sufri Bolkiah English School from Tutong.

The quarter final of the contest for boys between the Muda Hashim Malay Secondary School and the Sultan Omar Ali Saifuddin College Junior will take place at the SOAS College Junior here on September 14.

# SHOPKEEPERS TOLD NOT TO RAISE PRICES

BANDAR SERI BEGAWAN. — Shopkeepers in the State have been warned not to make the Hari Raya as an excuse to increase the prices of their commodities.

The warning came from the Price Controller, Dayang Hajjah Jusnani binte Haji Lawie who, in a statement issued last week, told the shopkeepers not to raise the prices of their goods without approval from the Government.

She urged members of the public to report any unauthorised increase of prices in order that action could be taken against the culprits.

People in the Brunei Muara and Belait District can lodge their complaints to the Economic Planning Unit or the Chairman of the Municipal Board here and Kuala Belait respectively.

Those in the Tutong and Temburong areas can make their complaints to their respective District Officers.

# *Revelation of the Koran*

SERIA. — The Belait District last Saturday night celebrated the revelation of the Koran at the mosque here.

The celebration started with a Koran reading presentation by the Belait Koran reading champion, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Paun.

This was followed by speeches by the Chairman of the Celebration Committee, Dato Paduka Seri Laila Jasa Awang Haji Adam bin Ishak, who is also the district kadhi, and by the State Secretary, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

A special speech on the significance of the revelation of the Koran was delivered by Awang Adnan bin Zainal, a Brunei student at the University of Al-Azhar in Cairo who is home on vacation.

Other items included a 'Kasidah' by Chegu Nordin bin Chuboi and 'Marhaban' by the 'Zikir' team of Mukim Seria.

Among those present were the Belait District Officer, Dato Paduka Awg Haji Abdullah bin Haji Mohammad Jaafar, the State Religious Affairs Officer, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain and other senior government officials.

The Temburong District also celebrated the revelation of the Koran at the Dewan Ria in Bangar that night.

The celebration was declared open by the District Officer Awang Abdul Aziz bin Mohammad.

The district kadhi, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Damit delivered a speech on the significance of the occasion.

The celebration included a Koran reading presentation by Awang Mohammad Tahir bin Mohammad Jaafar.

# Hall and pool for Belait Police

PANAGA. — Members of the Royal Brunei Police Force in the Belait District will have their own assembly hall and swimming pool soon.

They are to be built in the compound of the District Police Headquarters here at a cost of some two million dollars.

Construction work on the projects will commence in two or three months time and is expected to take about a year to complete.

# LAGI EKORAN PENGHINAAN MUSOH2 ISLAM

## KHUTBAH JUMAAT



PADA Jumaat yang lepas, kita telah berchakap mengenai kalimah shahadat yang di-tulis di-selipar2 atau kasut2 getah, dan jika benar hal itu, ada-lah ia suatu dosa besar dan kufor, kerana menghina dan menyenda2kan kalimah yang di-muliakan oleh Allah dan ugama Islam.

Kemudian timbul làgi satu perkara lain, ia-itu tentang kain untok di-buat baju atau seluar atau kain sarong yang di-buat dengan menggunakan k e s e n i a n Arab dan Parsi yang di-sulam atau di-tulis dengan ayat2 Al-Kor'an atau zikir2 nama Allah Ta'ala.

Dalam kitab Al-Minhaz karangan Al-Imam An-Nawawi yang mati tahun 676 Hijrah, ia-itu sa-buah kitab yang menjadi sandaran ulama2 dalam membuat fatwa ada terdapat perkataan yang maksud-nya dalam bahasa Melayu: "Adapun perbuatan yang menjadikan kufor itu ia-lah senghaja dengan terang2 menghinakan ugama Islam, atau ingkarkan ugama itu saperti menchampakkan mashab Al-Kor'an ka-dalam kotoran".

Jadi tidak-lah shak lagi, bahawa kain yang bertulis atau berukir dengan ayat Al-Kor'an saperti الحمدلله رب العالمين atau dengan zikir Allah saperti الحمدلله dan وربك العغليم apabila di-jadikan pakaian, sudah tentu akan berlumor dengan kekotoran saperti peloh atau darah atau najis yang lain2, atau sebarang keadaan yang akan menghina dan merendah2kan ayat Al-Kor'an dan zikir Allah itu. Dan perbuatan yang demikian ini, menurut kitab Al-Minhaz tadi, menjadikan orang yang melakukannya itu murtad dan keluar dari ugama Islam, ia-itu jika perbuatan itu berlaku daripada orang Islam.

Menurut akhbar العالم الاءسلامي bilangan 575 bertarikh 17hb Jamadil-Awal, 1398 yang di-terbitkan di-Mekah Al-Mukaramah, bahawa sa-buah sharikat yang besar di-London telah menulis kalimah لا اله الا الله di-atas baju atau pakaian2 dalam, yang di-keluarkan oleh sharikat itu. Dan akhbar2 Arab dan negeri Islam telah membantah perbuatan menghinakan nilai2 Islam dan perbuatan yang menyentoh perasaan umat Islam seluroh-nya itu. Dan Kementerian Perdagangan British telah champor tangan pada memberhentikan perbuatan yang menghinakan Allah dan Rasul-Nya serta ugama Islam itu (ini di-petik dari fatwa Mufti Brunei bilangan 116).

Demikian-lah wahai kaum muslimin, kita sama2 di-kehendaki beringat dan berwaspada dengan keadaan saperti ini. Musoh2 Islam itu tahu bahawa kita umat Islam sangat hormat dan memuliakan Al-Kor'an, kerana itu untok tujuan2 perniagaan atau senghaja untok menghina2kan Al-Kor'an, lalu di-chipta-lah satu bentok seni, yang di-namakan seni ukiran atau seni lukis di-atas kain2 dengan menyumbatkan di-sana sini ayat2 Al-Kor'an dan zikir2. Dengan chara itu, orang2 Islam yang memang chintakan Al-Kor'an dan ayat2 Al-Kor'an, akan chepat tertarik untok membeli-nya dan juga memakai-nya. Dan dengan itu juga, akan terchapai-lah tujuan paling besar musoh2 itu ia-itu orang2 Islam sechara tidak mereka sedari akan memijak2 atau menjadikan lapik dudok atau sekurang2-nya menjadikan atau membawa-nya ka-dalam kotoran ayat2 Al-Kor'an yang di-tulis di-baju2 atau di-kain2 atau di-seluar2 yang mereka pakai itu.



GAMBAR kelihatan Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara (paling kanan) dan lain2 pegawai kanan Ugama yang hadhir di-majlis itu.

SAMBUTAN Nuzul Al-Kor'an bagi tahun 1398/1978 di-Daerah Brunei dan Muara telah di-adakan pada 21hb Ogos bertempat di-Masjid Kampong Masin yang bermula jam 9.00 malam.

Majlis pada malam itu telah di-rasmikan oleh Awang Abdul Hamid bin Ismail, Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara. Turut juga memberikan uchapan ia-lah Awang Haji Mohd. Jali bin Abdul Latif selaku Pengerusi Jawatankuasa Sambutan bagi pehak Penguasa Penerangan dan Tabligh, Brunei.

Antara achara malam itu ia-lah sharahan khas mengenai Nuzul Al-Kor'an oleh Awang Abdul Rajid bin Abdul Kadir dan seterus-nya majlis khatamal Kor'an.

Majlis itu di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Ahli2 Jawatankuasa Masjid dan penduduk2 Kampong Masin.

# Memelok ugama Islam

BERTEMPAT di-Masjid Chahaya Darma Bakti, Kampong Penanjong, Tutong pada 18hb Ogos lalu telah berlangsong satu majlis pengIslaman ka-atas sa-orang pemuda Tiong Hwa, Liong Ah Jang yang berasal dari Sarawak. Dia kini di-kenali sa-bagai Jusni bin Abdullah. PengIslaman-nya telah di-sempurnakan oleh Imam masjid tersebut Awg Abd Wahab bin Othman.

Sementara dua orang lagi menjalani akad pengIslaman-nya di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri. Koo Nyok Len sa-orang gadis Tiong Hwa berasal dari Kampong Kabia, Tutong kini di-kenali sa-bagai Azlina bte Abdullah. Azlina melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg Hj Ismail bin Mat Serudin.

Bagi Yamas Ak. Nyambong sa-orang gadis Dusun berasal dari Limbang, Sarawak, pula telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Awg Ahmad bin Abd Razak sa-orang Pegawai di-jabatan tersebut. Dia kini di-kenali sa-bagai Dy Zubaidah bte Abdullah.



Jusni Abdullah.



Azlina Abdullah.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 30hb Ogos, 1978 hingga ka-hari Selasa 5hb September, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 31hb Ogos | 12.26 | 3.43 | 6.33 | 7.44 | 4.42 | 4.57 | 6.14 |
| 1hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 2hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 3hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 4hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |
| 5hb Sept | 12.24 | 3.41 | 6.30 | 7.42 | 4.41 | 4.56 | 6.13 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# SIFAT PEMAAF TIMBULKAN PERASAAN KASEH SAYANG

## Bingkisan minggu ini

MAAF menurut bahasa ia-lah melepaskan atau merelakan terhadap perbuatan orang lain yang keji atau hina ka-atas diri kita dengan perasaan yang tulus ikhlas. Dengan demikian orang yang melakukan kesalahan itu tidak akan di-tuntut bela atau di-balas dengan sesuatu hukoman.

Menurut Imam Al-Ghazali pula maksud maaf itu ia-lah bahawa sa-seorang itu sa-mesti-nya mempunyai hak untok membalas, menuntut hak-nya dari sa-seorang yang tertentu, tetapi apa yang di-mileki-nya itu di-lenyapkan dan di-gugorkan-nya dari lipatan hati-nya, walau pun sa-benar-nya ia mempunyai daya usaha untok mendapatkan hak-nya tadi. Perbuatan ini di-lakukan dengan ada-nya paksaan dari orang lain atau ada-nya keuntongan yang akan datang sa-sudah itu. Atau lain2 tujuan saperti ia di-lakukan sa-mata2 untok mengharapkan keredhaan Allah s.w.t kerana keikhlasan hati-nya.

Dalam mempergunakan sifat ini, sa-seorang itu harus mengerti dan memahami akan tempat dan keadaan-nya. Tidak boleh di-letakkan dengan sa-suka hati yang bukan kena pada tempat dan keadaan-nya. Mithal-nya sa-seorang telah melakukan satu kesalahan kechil terhadap diri kita, maka ini harus kita maafkan di-samping menunjokkan kesalahan-nya itu dengan harapan agar ia sedar dan dapat memperbaiki diri-nya, serta tidak akan mengulangi lagi kesalahan-nya itu, Tetapi kalau kesalahan itu besar atau selalu di-lakukan serta membahayakan samada terhadap diri-nya sendiri atau orang lain, maka tidak harus di-maafkan atau di-ampunkan. Malah patut di-hukom dengan sa-wajar-nya sa-timpal dengan kesalahan-nya itu. Ini bertujuan untok menyedarkan-nya supaya tidak akan berterusan melakukan perkara2 yang tidak baik dan membahayakan itu.

Berhubong dengan sifat pemaaf ini banyak firman dan hadith menyebutkan-nya, antara lain firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-A'raf ayat 199 yang bermaksud kira2 "*Ambil-lah maaf, suroh-lah menger-jakan kebajikan dan berpaling-lah dari orang2 yang bodoh*".

Dan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud kira2 "*Sa-afdhal akhlak ahli dunia dan akhirat ia-lah supaya engkau mempereratkan hubongan d e n g a n orang yang menghalangi pemberian pada mu serta memberi pengampunan kapada orang yang menganiaya diri mu*".

Dari firman dan hadith di-atas dapat-lah kita membuat suatu kesimpolan bahawa sifat pengampun atau pemaaf itu ada-lah sifat yang terpuji yang sangat di-galakkan oleh ugama Islam. Sa-balek-nya menuntut bela atau bertindak balas itu kerap kali mendatangkan kesan yang tidak baik dan menambahkan lagi kebenchian musoh terhadap diri kita.

Tetapi dengan memaafkan kesalahan dan membalas kejahatan orang lain dengan kebaikan sering pula memberi kesan yang baik dan menguntongkan di-segi keselamatan dan kebahagiaan hidup di-samping dapat menawan hati kawan atau lawan. Atau dengan kata lain sifat pemaaf itu boleh menimbolkan perasaan kaseh sayang dalam hidup bermasharakat serta mengeratkan persaudaraan dan persahabatan di-dalam Islam.

# AL-KOR'AN PENAWAR JIWA YG. MUJARAB



KELIHATAN gambar atas, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah menyampaikan hadiah johan kumpolan kapada wakil Pasokan Pulis Diraja Brunei yang menjadi johan tersebut dalam Pertandingan Membacha Al-Kor'an Antara Jabatan2 Kerajaan Yang Beruniform.




PERTANDINGAN membacha Al-Kor'an antara jabatan2 Kerajaan yang beruniform yang telah di-adakan buat kali kedua-nya atas anjoran Jabatan Pasokan Pulis Diraja Brunei baru2 ini boleh-lah di-sifatkan sa-bagai suatu kejayaan chemerlang hasil dari usaha pegawai2 dan kaki-tangan kerajaan khusus-nya Pasokan Pulis Diraja dalam perkara2 kebajikan.

Perkara berkebajikan yang begitu tepat dengan sifat negara kita sa-bagai sa-buah negara berkebajikan, maka sa-tentu-nya usaha demikian akan terus menjadi suatu amalan dan suatu gerak-kerja yang tidak basah dek hujan dalam sa-tiap jiwa dan sanubari masharakat kita orang2 Brunei yang juga berkebajikan.

Merestui kebenaran itu, sabda perasmian yang telah di-lafadzkan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah ada-lah juga mensifatkan pertandingan tersebut sa-bagai yang sa-chuchok dengan kedudokan kita orang2 Islam yang sentiasa menjunjong tinggi ajaran2 Ugama Islam dan sentiasa taat serta taqwa kapada Allah.

Hal ini ada-lah juga sa-jajar dan sa-rasi dengan pegangan negara dan masharakat Brunei Darussalam ini yang menjadikan Islam sa-bagai panduan dan ajaran hidup kita yang sempurna dalam segala rupa dan bentok-nya.

Sa-tentu-nya akan lebeh kuat dan kokoh lagi nanti pegangan dan keimanan serta ketaqwaan kita terhadap Allah dan Ugama-Nya yang di-redhai-Nya, hanya satu2-nya ia-itu ISLAM.

Namun demikian sa-bagai satu kesan bathin yang pada dzahir-nya dapat kita rasakan hasil dari pertandingan tersebut ia-lah perasaan muhibbah dan kokoh-nya tali silaturrahim antara pegawai2 dan kaki-tangan kerajaan. Perasaan ini ada-lah penting, malah lebeh penting lagi untok menguatkan dan mengeratkan kerjasama sapertimana yang di-hasratkan oleh Yang Teramat Mulia itu dengan mengujudkan perkara2 yang berkebajikan yang lain.

Betapa tidak, kerajaan ada-lah merupakan suatu bahtera, jabatan2 ada-lah merupakan bahagian2 yang di-mileki yang bahtera itu dan pegawai2 serta kaki-tangan-nya ada-lah tenaga yang bertugas dan berwajib mengemudikan bahtera tersebut di-lautan yang luas yang sa-mesti-nya mempunyai perasaan saling bersatu dan bersefahaman dalam menuju matalamat yang di-chita2kan untok kesempurnaan semua.

Kerana itu untok sentiasa memileki perasaan muhibbah dan kekokohan jiwa kita sa-bagai umat Islam maka sa-wajar-nya kita mempunyai satu panduan yang abadi. Hanya dengan Al-Kor'an yang telah di-korniakan oleh Allah s.w.t. yang kita warithi sejak 14 abad yang silam sa-telah ia-nya di-wahyukan kapada Nabi Besar kita Muhammad s.a.w. yang dapat menjadi penawar jiwa yang mujarab.

Maka dengan itu thema "AL-KOR'AN PENAWAR JIWA YANG MUJARAB" yang menjiwai pertandingan itu ada-lah suatu ketepatan dalam hidup kita dewasa ini yang sentiasa penoh dengan segala bentok pancharoba akan sentiasa menjadi perisai yang kebal.



WAKIL membacha Al-Kor'an bagi Pasokan Bomba, Awang Hashim bin Haji Hassan yang menjadi johan pertandingan tahun ini ketika memperdengarkan bachaan-nya.





GAMBAR atas persembahan nashid yang di-bawakan oleh anak2 AMDB dan bawah, nashid dari Kumpolan Nashid Pasokan Bomba ketika pertandingan membacha Al-Kor'an itu.

## Pasokan Pengawal Keselamatan AMDB

SAPERTI pasokan angkatan tentera yang lain, Askar Melayu Diraja Brunei kini mengorak langkah untok menubohkan Pasokan Keselamatan Kerajaan bagi merangkakan tanggongjawab askar dalam melaksanakan tugas harian mereka dalam masa beberapa bulan yang akan datang.

Pasokan Pengawal Keselamatan ini hanya-lah akan menjalankan kerja2 mereka pada masa aman dan akan di-bubarkan bila masa dharurat.

Bagaimana pun penubohan pasokan itu juga ada-lah kerana angkatan bersenjata di-seluroh dunia ketika ini semakin menyedari nilai ketenteraan dari segi kewangan, mempunyai pelateh2 yang mahir ataupun dalam melateh tentera moden.

Perkara tersebut bukan sahaja kerana tekanan inflasi dunia tetapi juga ia-lah kerana angkatan tentera tahun 80an mengkehendaki kemahiran dalam semua aspek: chekap, boleh menyesuaikan perubahan dan yang paling penting ia-lah mereka mesti ahli dalam semua bidang ketenteraan.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

### RABU — 30HB. OGOS,

**PETANG**

5.25 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.28 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.40 RENGKASAN BERITA
5.42 STAR TREK — "What Are Little Girls Made Of"
6.25 MENJELANG SUNGKAI
6.33 AZAN MAGHRIB/NASHID
6.37 STAR TREK — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 RICH MAN POOR MAN — Rudy berlumba dengan kakitangan Estep menuju ka-New Orleans untok menchari Sarah Hunt.
7.44 AZAN ISHA
7.48 RICH MAN POOR MAN — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 CHERAMAH DAKWAH ISLAMIAH "Dasar Kejayaan Umah"
9.00 BEWITCHED — "Samantha's Thanksgiving to Remember" Aunt Clara mengenakan satu sumpahan dan keluarga Stephen mendapati diri mereka berada dalam abad ke-17.
9.30 THE TWO RONNIES
10.20 PERLAWANAN GUSTI
11.15 SIARAN TAMAT.

### KHAMIS — 31HB. OGOS,

**PETANG**

5.25 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.28 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.40 RENGKASAN BERITA
5.42 HOT WHEELS
6.10 THE SECRET OF ISIS — "Funny Girl"
6.25 MENJELANG SUNGKAI
6.33 AZAN MAGHRIB/NASHID
6.37 THE SECRET OF ISIS — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOW THE WEST WAS WON
7.44 AZAN ISHA
7.48 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 HIDAYAT
9.00 DOKUMENTARI MELAYU — "Kajian Matahari"
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

### JUMAAT — 1HB. SEPT.

**PETANG**

4.55 PEMBUKAAN /SUSUNAN RANCHANGAN
4.57 AL-KESAH — "Tiga Adek Beradek"
4.57 AL-KESAH
5.10 PADDINGTON BEAR
5.20 THE LEARNING TREE
5.28 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.40 RENGKASAN BERITA
5.42 HEIDI — Episod ke-empat
6.10 THE MUPPETS
6.25 MENJELANG SUNGKAI
6.30 AZAN MAGHRIB/NASHID
6.34 THE MUPPETS — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

## RTB INTISARI HARI RAYA

RTB dan semua kakitangan ingin menguchapkan Selamat Hari Raya kapada para penunton sekalian.

Untok menyambut Hari Raya Ini RTB mempersembahkan



HIBORAN . . . .



DRAMA . . . .



MUZIKA DRAMA . . . .

DAN LAIN2 RANCHANGAN KHAS

7.15 THE GENERATION GAME
7.42 AZAN ISHA
7.46 THE GENERATION GAME — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SEKITAR TANAH AYER
9.00 THE GOOD LIFE — "The Happy Event"
9.30 THE WATER MARGIN — Episod kesembilan belas. Kao Chiu dengkikan kejayaan General Hu dalam peperangan dan anak-nya di-ambil sa-bagai orang tawanan.
10.20 MYSTERY MOVIE : Banacek "To Steal A King"
11.50 SIARAN TAMAT.

### SABTU — 2HB. SEPT.

5.25 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.28 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.40 RENGKASAN BERITA
5.42 CHILDREN'S FEATURE — "The Zoo Robbery"
6.25 MENJELANG SUNGKAI
6.30 AZAN MAGHRIB/NASHID
6.34 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FEATHER AND FATHER GANG — "Murder at F Stop 11" Feather dan Harry menyelesaikan kes pembunohan yang sama sa-chara berasingan dan mereka bertemu dalam keadaan2 yang sangat ganjil.
7.42 AZAN ISHA
7.46 THE FEATHER AND FATHER GANG — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 INTISARI
9.00 STARS ON ICE
9.30 STARSKY AND HUTCH — "Murder At Sea" — Bahagian pertama.
10.20 STAR SOCCER
11.15 SATURDAY MOVIE — "The Penthouse"
12.45 SIARAN TAMAT.

### AHAD — 3HB. SEPT.

**PETANG**

4.55 PEMBUKAAN /SUSUNAN RANCHANGAN
4.57 CHOMAT DAN CHOMEL — "Kesaktian"
5.10 DAISY DAISY
5.28 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.40 RENGKASAN BERITA
5.42 ATOM ANT — "How Now Wow"
6.25 RENGKASAN BERITA
6.30 AZAN MAGHRIB/NASHID
6.34 THE PARTRIDGE FAMILY — "The Partridge Capers"

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "The Return of the Incredible Hulk" Bahagian kedua.
7.42 AZAN ISHA
7.46 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 SERBANEKA
9.00 LAURANCE OLIVIER THEATRE — "Come Back Little Sheba"
11.00 THAT'S HOLLYWOOD
11.30 SIARAN TAMAT.

### ISNIN — 4HB. SEPT.

5.54 PEMBUKAAN/SUSUNAN RANCHANGAN
5.48 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "The High Cost of Being Right'
6.30 AZAN MAGHRIB/NASHID
6.34 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS
8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.30 TAKBIR HARI RAYA
8.50 Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan uchapan Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei dan sabda Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei.
9.05 PESTARAMA HARI RAYA
10.15 PELANGI — TENUNAN
10.25 TAYANGAN FILEM MELAYU
12.25 MALAM TAKBIR HARI RAYA
12.45 SIARAN TAMAT.

Susunan ranchangan menjelang Hari Raya.

8.30 TAKBIR HARI RAYA
8.50 TITAH PERUTUSAN HARI RAYA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN, Perutusan PESUROHJAYA TINGGI BRITISH dan Y.A.B. MENTERI BESAR.
9.05 PESTARAMA HARI RAYA



RANCHANGAN ini memakan masa lebeh dari satu jam dan akan di-serikan dengan artis2 jemputan dari dalam dan luar negeri. Saperti, S. Ros, M. Nordin, M. Noor, Abdullah Chik dan Rosmaria serta lain2 lagi. Pestarama juga akan di-serikan dengan jenakarama dan tarian dari beberapa buah kumpolan penari.

10.15 PELANGI — TENUNAN
10.25 TAYANGAN FILEM MELAYU
12.25 TAKBIR HARI RAYA
12.45 SIARAN TAMAT.

# RANCHANGAN2 UNTO

## PETANG

3.00 PEMBUKAAN / SUSUNAN RANCHANGAN

3.02 Titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Perutusan Hari Raya dari Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei.

Sabda Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei.

3.15 BACHAAN AL-KOR'AN

3.28 BINTANG KECHIL

Memandangkan terlalu ramai penunton meminta supaya ranchangan ini di-ulang siaran-nya berbanding dengan ranchangan2 lain, inilah peluang bagi para penunton untok menyaksikan sekali lagi salah sa-buah ranchangan tempatan yang paling popular yang pernah di-terbitkan sa-jauh ini . . . .





Dua orang peserta dalam BINTANG KECHIL.

4.25 PANORAMA.

Penari2 RORALINI akan mengiringi beberapa buah tarian dalam ranchangan PANORAMA di-samping penyanyi2 tempatan saperti M. Nordin, Hamidon Md. Yassin, Shamsuddin Idris, Johari HO, Sumadi Sukaimi dan penyanyi2 wanita saperti Mariam Haji Ali, Erna Ahmad dan Siti Sara.

Semua penggambaran di-laksanakan di-luar Studio dan beberapa buah tempat2 yang menarek telah menjadi sasaran lens kamera Panorama termasok sa-buah tempat peranginan dan perkelahan yang baru di-buka di-Daerah Tutong ia-itu Tasek Merimbun.

Penebit : Rahim Walli.



**BEGINI-LAH keadaan-nya apabila satu2 penggambaran TV hendak di-mulakan. Latehan dan menchari sudut penggambaran yang baik memerlukan perhatian yang semporna. Ranchangan ini ia-lah "Panorama."**

5.05 SUSUNAN RANCHANGAN.

5.10 HANNA BARBERA SPECIAL — "Jack and the Beanstalk"
Cherita kanak2 yang terkenal ini mengesahkan tentang Jack dengan ka panjang-nya yang ajaib, yang tumboh dan terus tumboh dan meninggi hi lah ka-langit, dan juga ka-awan dan melimpasi-nya. Oleh kerana t hairan melihat kejadian itu Jack pun memanjat pokok kachang itu dan dapati diri-nya berada dalam istana sa-orang gergasi, di-mana berbaga jadian2 ganjil berlaku.

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 *LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — "The High Cost of Being R

Jonathan dan Alice Garvey sahabat baik keluarga Ingalls menghadapi kegentingan dalam hubongan sa-bagai suami isteri. Jonathan bimbangkan keadaan tanam2an yang kurang berjaya dan tiada terdapat-nya pekerjaan di-kilang. Alice, isteri-nya ingin membaiki keadaan memandangkan keperitan hidup keluarga-nya dan mendapat pekerjaan di-pejabat pos. Jonathan tidak pula bersetuju tentang isteri-nya yang bekerja dan merasa ini mengancham kelakian-nya dan menuntut percheraian pula, dan keluarga Ingalls terpaksa menghadapi persengketaan di-antara dua suami isteri ini.

*Sekira-nya Hari Raya pertama jatoh pada hari Selasa bersamaan dengan 5hb September 'Little House on the Prairie' akan di-gantikan dengan Cherita 'The Man From Atlantis — "The Siren".



**JONATHAN Garvey menguchapkan se tinggal kapada anak-nya, Andy, sa-telah chadang untok meninggalkan isteri-nya rana ia bekerja tanpa izin-nya. Pemand dari "Little House on the Prairie".**

6.30 AZAN MAGHRIB

6.34 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

## MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 SERIKANDI BERHARI RAYA
Selamat Hari Raya pada semua peminat2 Serikandi, sambil merayakan Raya yang mulia ini. Serikandi menghidangkan satu ranchangan Serikandi Berhari Raya, dalam ranchangan ini kita akan bersama2 de Dk Mariam berkunjong ka-Kampong Ayer Kampong Saba Ujong di-ru Dk Zainab Pg. Taha. Dari Kampong Ayer, Dk Mariam berkunjong ka- pula ka-rumah Yang Berhormat Tuan Malai Haji Mashor; kemudian kit Batu 2, Jalan Tutong ia-itu ka-rumah Dayang Fatimah. Dari Batu 2 Mariam pergi ka-Temburong pula Berhari Raya di-Rumah Panjang M Kampong Sibut dan akhir-nya ka-Daerah Tutong ka-rumah Pegawai Da Tutong. Sambil menyaksikan kunjongan2 penggambaran Dk Mariam Be Raya tadi, kita juga di-bawa ka-Studio Berhari Raya bersama2 Jan Helen, Dk Maskupah dan Zainab mengikuti bualan2 rengkas mereka me nai Hari Raya tahun ini.

Penerbit : Siti Haji Yusof Khan.



**Dayangku Mariam berkunjong ka-rumah Panjang Mualaf Kampong Sibut dalam ra changan SERIKANDI berhari raya.**

# HARI RAYA PERTAMA

AZAN ISHA

SERIKANDI BERHARI RAYA — sambongan

PELANGI — KETUPAT DAN ANYAMAN

Juadah hari raya tanpa ketupat belum-lah sempurna. Tahu-kah Awda bahawa ketupat ada berbagai dengan nama-nya tersendiri ? Bersama PELANGI, kita akan melihat bagaimana ketupat di-hasilkan oleh jari2 yang mahir dalam seni anyaman.

Penerbit : Dk Mariam PRW Haji Metussin.

WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

GEMBIRA IDIL-FITRI

Sa-tiap penunton akan terhibor dengan ranchangan istimewa Mari Gembira Malam Ini bagi keluaran kali ini. Artis2 yang kerap munchol dalam pertunjokan ini sudah tentu-nya termasok-kumpolan komidi Zaini dan Gillen yang akan mempersembahkan beberapa achara istimewa, dan kumpolan Roralini akan menunjokkan bakat2 mereka dalam seni tari di-samping kebolehan mereka sa-bagai penyanyi.

Tiga orang bakat baru juga akan munchol buat pertama kali-nya dalam talivishen — ia-itu Manap Manggong, Ak. Haji Mohd dan S. Rosle. Ketiga2 mereka pernah menyanyi dalam pesta2 dan jemputan2 kahwin dan memandangkan kebolehan2 mereka munchol bagi pertama kali-nya ini, tidak menghairankan-lah kalau mereka munchol lebeh kerap lagi.

Halil Chik dan Julie Remie yang datang ka-Brunei untok mengambil bahagian dalam permulaan siri Mari Gembira Ini telah menyampaikan uchap selamat Hari Raya mereka dari Singapura untok penunton2 di-Brunei. Halil menyanyikan Lagu Mesra dan Hidup Terbuang, dan Julie Remie pula akan membawakan lagu Berikan Ku Sinar Harapan dan Korban Perchintaan.

Dengan lagu2 terbaharu, lawak jenaka yang menggembirakan dan tarian2 yang mempersonakan, ranchangan Gembira Idil Fitri pasti akan menjadi hiboran untok penunton sa-keluarga.

Penerbit : Royston Goh.

BISTARI

Tatkala membacha Pelita Brunei ini tentu ada dari pembacha sekalian yang sudah pergi ka-kubor atau sedang meranchang-ranchang hari baik untok melawat dan bersedekah fati'ah di-pusara mereka2 yang sudah meninggal dunia. Kenapa-kah orang pergi ka-kubor bila menjelang hari raya ? Kenapa tidak hari2 biasa? Begitu-lah soalan yang di-kemukakan dalam BISTARI hari raya.



Pengerusi dan juru2 soal serta peserta2 yang menjayakan ranchangan BISTARI Hari Raya.

Katakan-lah sa-masa tayangan ranchangan ini awda berada di-rumah menunggu tetamu datang atau mungkin juga awda berada di-rumah tetamu, sambil minum2 atau makan kueh2 enak itu kelak awda boleh-lah menchuba kebolehan awda. Boleh-lah awda 'bertaroh' dengan 'gimbaran' awda yang manis ayu atau yang kachak itu. Mungkin 'pertarohan' ini merupakan kenangan manis kapada awda. Sa-kechil2 peristewa boleh memberi erti dan pengalaman yang bermaana !

Untok awda yang meranchang menjadikan-nya satu 'peristewa', atau kapada ibu2, adek2, kakak2, abang2 atau bapa2 yang ingin mengadu pengetahuan mereka dengan sa-siapa juga, ingin kami beritahu bahawa semua soalan Bistari hari raya di-sesuaikan dengan hari yang mulia ini. Soalan2 pusingan pertama ada kaitan dengan Ugama Islam. Misal-nya: apa nama bulan Islam sa-belum bulan Ramadhan ? Kalau soalan ini awda tidak dapat jawab berawas2-lah sedikit. Jangan nanti bila di-soal oleh 'gimbaran' awda, awda tersipu2 !

Penerbit : Hussain Abdul Rahman.

10.10 DRAMA MELAYU MODEN : "Rintihan Ibu".



**RINTIHAN IBU, sa-buah babak yang menyayat hati — Ainon menghambuskan nafas-nya yang terakhir di-saksikan oleh Jalil, Khatijah dan Johan.**

Penulis skerip drama "Rintihan Ibu", ia-lah Jasa Awam Brunei, sa-orang penulis skerip drama2 Radio dalam tahun2 1960an dan 1970an.

Kisah bermula dengan sa-orang Ibu yang di-halau keluar oleh anak-nya, kerana anak lelaki-nya tundok di-bawah telunjok isteri-nya. Anak lelaki itu bernama Johan dan Ibu-nya Khatijah. Johan lebeh sayangkan isteri-nya Halimah, daripada ibu yang mengandong-nya sa-lama sembilan bulan sa-puloh hari, dan membesarkan hingga dewasa. Kesah Khatijah dalam drama ini, ada-lah satu kesah yang berbelit2.

Dengan suami-nya yang pertama Isham yang mula-nya hidup aman dan damai berakhir dengan pencheraian dan perpisahan, kemudian Khatijah bersuami baru, tapi dengan suami-nya yang kedua ini ia-itu Jalil, juga berakhir dengan perpisahan, kerana Jalil meninggal dunia. Hidup-lah Khatijah terumbang-ambing. Hanya harapan tempat-nya bergantong, ia-lah Johan saja, tetapi Johan sudah berperangai lain, ibu-nya sendiri tidak di-sayangi-nya.
Itu sa-chebis kesah dari "Rintihan Ibu", yang menjayakan lakunan ini terdiri dari : —

Dk. Masripah Pg. Besar sa-bagai Khatijah
Rais Baneh sa-bagai Isham
Abdullah Rashid sa-bagai Jalil
Sanif Gador sa-bagai Hanif
Azizah Ismail sa-bagai Sainah
Dk. Saerah Pg. Abdul Wahab sa-bagai Halimah
Abdullah Haji Salim sa-bagai Johan.

Turut juga di-undang ia-lah Mohd. Khairol Salleh selaku Johan di-waktu kechil. Dengan para pelakun tambahan Dayang Sunting Ampuan Sabtu dan Ahmad Haji Mohd. Said.

Drama ini di-gambarkan di-beberapa tempat di-tanah ayer kita, ia-itu di-Danau, di-Tutong dan di-Layong. Penolong Pengarah-nya ia-lah sa-orang pelakun veteran kita, pelakun pentas dalam tahun2 50an dan 60an, ia-itu Abdullah Rashid.

Penerbit : Abdul Wahab Mohammad.

11.10 Persembahan Tarian Asli Brunei dari Sekolah2 Menengah dan Maktab2. Penari2 yang berjaya dalam pertandingan Tarian Asli Brunei sa-negeri bagi Sekolah2 Menengah dan Maktab2 menjadi tetamu ranchangan khas ini.
Penerbit : Pg. Othman bin Pg. Ismail.



**Persembahan Tarian Asli Brunei dari Sekolah2 Menengah dan Maktab2.**

12.07 SIARAN TAMAT.

# RANCHANGAN2 UNTOK

## PETANG

3.00 PEMBUKAAN / RANCHANGAN

3.02 BACHAAN AL-KOR'AN

3.15 SENANDONG BRUNEI.

Biasa-nya kanak2 damit, di-dudoikan oleh kedua orang tua-nya dalam buaian, sambil penari2 menari dengan tangan mereka yang lemah lembut, di-iringi oleh irama. Terlena-lah si-anak damit itu hingga ka-pagi.

Penerbit : Pg. Othman bin Pg. Ismail

3.45 PINOCCHIO

RTB akan mempersembahkan satu kesah muzikal yang baharu dalam kelasik kanak2 yang terkenal ini mengesahkan tentang sa-buah puppet yang menjadi bernyawa dengan mengajaibkan sekali. Cherita ini telah di-tulis hampir2 sa-ratus tahun yang lampau oleh sa-orang pengarang berbangsa Itali dan telah di-terjemahkan hampir2 ka-semua bahasa di-dunia ini.

Gepetto, sa-orang pengukir kayu yang kesunyian menchipta puppet yang bertukar menjadi sa-orang kanak2 lelaki yang hidup. Gepetto memberikan-nya nama Pinocchio dan melayan-nya saperti anak-nya sendiri. Tetapi Pinocchio mempunyai masaalah2-nya sendiri. Ia terjerumus ka-dalam kumpolan2 jahat dan mempengarohi-nya untok hidup bermalas2 dan membuat nakal, dan sa-tiap kali ia chuba untok berbohong, hidong-nya yang di-buat dengan kayu menjadi semakin panjang !
Kesah muzikal ini di-bintangi oleh pelakun terkenal Danny Kaye ada-lah bahan hiboran keluarga yang menggembirakan.

5.10 MELODI ADEK-KU



Fauziah Haji Mohd Wahab (kiri) dan Dk Munira Pg Mohiddin yang akan turut menjayakan ranchangan Melodi Adek-Ku.

Perkataan 'adek-ku' itu sudah menggambarkan persembahan ini akan disampaikan oleh penyanyi2 kechil. Dalam fikiran awda tentu bertanya : Siapa artis2-nya? Apa bentok persembahan lagu2-nya ? Apa-kah ranchangan ini sesuai juga untok tuntonan orang dewasa atau hanya untok kanak2 saja ?

Untok memperkatakan samada sesuai atau tidak-nya ranchangan ini pada orang2 dewasa terpulang-lah pada selera masing2. Kami akan mengketengahkan artis2 tunas yang akan membawakan lagu2 yang tidak terhad pada lagu kanak2. Ini ada-lah perchubaan kami bagi meiateh anak2 membawakan lagu2 beranika chorak. Sesuai-kah lagu2 sentimental pada anak2 kechil atau berjaya-kah penyanyi2 tunas ini menandingi showmanship penyanyi2 dewasa ? Hanya penunton saja jadi hakim2-nya. Untok adek2 ranchangan ini kami sesuaikan supaya ia dapat di-tunton. Itu sebab ia akan di-tayangkan pada siang hari pukul 5.10 petang di-Hari Raya Kedua.

Bila di-sebut Dk Munira Pg Mohiddin tentu banyak para pembacha maseh ingat tentang persembahan-nya dalam Peraduan Bintang Kechil dulu yang penoh perasaan. Lagu yang akan di-bawakan oleh Dk Munira dalam Melodi Adek-Ku nanti tentu-lah kami tidak beritahu ketika ini. Tuntonilah bila sampai masa-nya kelak bersama2 artis2 tunas yang lain yang kami undang demi tidak menghampakan selera awda.

Penerbit : Hussain Abdul Rahman.

5.55 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 *MAN FROM ATLANTIS — "The Siren"

Sa-orang ketua pertahanan yang penting di-pengarohi oleh nyanyian satu Siren yang penoh misteri dan telah di-tawan di-atas sa-buah kapal selam perompak laut, di-mana ia terpaksa untok memechahkan rahsia2 pertahanan militari U.S.
Pehak jabatan laut meminta bantuan Mark Harris.

*Sekira-nya Hari Raya kedua jatoh pada hari Rabu 6hb September, The Man From Atlantis akan digantikan dengan cherita Star Trek — "Balance of Terror".



The Man From Atlantis berenang dengan sa-orang lanun kapal selam dalam episod minggu ini — "The Siren".

6.30 AZAN MAGHRIB

6.34 MAN FROM ATLANTIS — sambongan

## MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 MUZIKA DRAMA — "Layu Sa-belum Kembang"

LAYU SA-BELUM KEMBANG begitu-lah jodol sa-buah Muzika Drama yang mengesahkan kekechiwaan sa-orang anak muda sekembali-nya dari tamat pengajian-nya di-seberang laut — berpuncha dari kematian ibu kesayangan-nya, perkahwinan ayah-nya, chita2-nya yang tak terchapai dan kegagalan chinta-nya. Dengan perasaan putus asa ia meninggalkan rumah ayah-nya dan diam bersama2 kakak kandong-nya. Dalam keadaan hidup-nya yang terumbang ambing itu, ia akhir-nya menemui kesedaran dari tingkah laku dan keperbadian sa-orang gadis yang tidak mudah digoda.

Drama ini di-sulami dengan tujoh buah lagu2 pilehan yang di-nyanyikan oleh Juara Mutika 78 S. Ros, Sumadi Sukaimi, Shamsuddin Idris, Ariffin Mohd. Taib dan Haslinda Mohd Taib serta di-iringi oleh Orkes Perdana di-bawah pimpinan Idris Mohammad. Para pelakun yang menjayakan Muzika Drama ini terdiri dari Sumadi Sukaimi, P. H. Tajuddin, Endon Yaakub, Dk. Zaleha P. H. Tengah, Dk. Saerah PKN Pg. Anak Wahab, Aris Baneh, Maznah Awang Damit, Ariffin Mohd. Taib, Haslinda Mohd. Taib, Shamsuddin Idris, Kamis Ja'afar serta beberapa orang pelakun kanak2.

Penerbit : Maidi Haji Sulaiman.



GAMBAR menunjokkan satu babak yang terdapat dalam Muzika Drama "Layu Sa-belum Kembang". Dari kanan : P. H. Tajuddin, Shamsuddin Idris, Kamis Jaafar dan Ariffin Mohd Taib.

# HARI RAYA KEDUA

7.42 AZAN ISHA

7.46 MUZIKA DRAMA — "Layu Sa-belum Kembang" — sambongan

8.15 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.30 PELANGI — TANGLONG

Berchuchol tanglong di-hari raya sekarang ini ada-lah suatu amalan yang kian luput. Tetapi PELANGI akan membawa awda kembali kapada suasana tanglong, dan melihat bagaimana bahan2 saperti buloh-botol, tin kain dan sa-bagai-nya di-gunakan untok menghasilkan-nya.

8.40 PUSPARAGAM

Satu kumpolan penari baru yang belum pernah munchol di-peti talivishen, ia-itu para penari Srirama ada-lah di-antara artis yang turut menjayakan pusparagam aidilfitri, tiga buah tarian yang di-persembahkan oleh mereka, ada-lah tarian2 "Hamidah", "Rukun Islam" dan "Bunga Tanjong".

Sa-orang penyanyi tanah ayer kita yang berbakat, yang telah lama menghilang dari gelanggang seni suara, kini di-jemput menyertai pusparagam Dayang Salmaya Haji Hussin akan mendendangkan dua buah lagu yang berchorak sentimental. Salmaya baru saja kembali ka-Brunei kerana chuti sekolah, dia menuntut di-England, dan akan menyambong semula pelajaran-nya sa-lepas hari raya nanti.

Di-samping itu turut di-undang ia-lah S. Mariam, Jasni Buntar salah sa-orang Bintang Belia, 1978 dan Johan serta Naib Johan Bintang Kechil, Roslany Adnan dan Dayangku Munira bin Pengiran Mohiddin. Pusparagam kali ini di-iringi oleh Kugiran Disco Connection di-bawah pimpinan Awang Ismail Haji Damit. Kugiran ini juga baru pertama kali munchol di-peti T.V. walau pun mereka selalu di-undang oleh Bahagian Radio.

Pasangan adek beradek Fatimah Haji Salleh dan Junaidi Haji Salleh yang di-sertai oleh Ak. Daud bin Pengiran Mahmud akan berpadu suara dalam mendendangkan sa-buah lagu lama tetapi di-bawakan sa-chara tiga suara, ia-itu "Burong dalam Sangkar". Satu lagi achara yang di-selitkan, ia-lah adu tenaga "Barambit tangan".

Penerbit : Abdul Wahab Mohammad.



Kumpolan penari2 Srirama sedang bergaya dalam sa-buah tarian dalam ranchangan.

9.40 PENGLIPUR LARA

Penglipur lara ada-lah sa-buah ranchangan yang akan membawa penunton bergelak ketawa oleh kumpolan ahli lawak tanah ayer kita.

Zaini dan Gillen akan membawakan lagu2 yang berchorak jenaka, di-samping itu mereka juga akan mempersembahkan sa-buah Jenaka Bangsawan, "Gua Puteri Bukit Tempayan Pisang". Kesah tiga pemuda yang bermimpi menemui Tuan Puteri yang chantek jelita. Pergi-lah mereka ka-Gua itu, benarkan mereka berjumpa dengan Tuan Puteri Bukit Tempayan Pisang ? Apakah akan terjadi di-sana ? Lihat-lah nanti telatah Zaini dan Gillen dalam ranchangan ini. Turut menjayakan drama jenaka ini, ia-lah Rais Baneh, Ahmad Ibrahim dan Ahmad Md. Yassin.

Satu kumpolan jenaka lagi yang juga tidak asing di-tanah ayer kita, ia-lah Haji Ahim dan rakan2-nya. Mereka juga tidak ketinggalan mempersembahkan sa-buah jenaka purba, ia-itu "Amok Pulau Badukang". Kesah rebut merebut sa-orang gadis jelita, akhir-nya bersemua-nya tewas belaka.

S. Hashim Abdullah Alhabshi, turut serta untok menghiborkan Awda semua, dia membawakan dua buah lagu yang menarek juga, sa-buah lagu Arab dan sa-buah lagu Hindustan.

Apakah nanti Penglipur lara ini akan benar2 menggamit hati para penunton, kami serahkan-lah kapada para penunton untok membuat tafsiran-nya, kalau-pun tidak ketawa senyum2 saja-pun jadi-lah . . . . .

Sriwana Combo pimpinan S. Hashim akan mengiringi penyanyi2 yang membawakan lagu2 yang berchorak jenaka dalam ranchangan ini.

Penerbit : Abdul Wahab Mohammad.

10.10 SURIA

Yang pasti bila kita menunton SURIA lagu2 yang di-persembahkan ada-lah berchorak lagu2 lama. Sa-dapat mungkin kadikami chuba mengikut alunan asal lagu2 tersebut.

Mengapa ? Kerana persembahan SURIA di-buat sa-begitu rupa supaya penghibor2 baru, yang baru menchuba2 menyanyi di-hadapan kamera TV tidak di-anggap bagus kerana bersandarkan lagu2 orang lain yang sudah mashor. Biar-lah penyanyi2 SURIA itu gerini di-pandang bukan kerana lagu2 mereka tapi ada-lah berdasarkan suara mereka.

Di-malam shahdu bulan Shawal biskita tentu berhajatkan sa-suatu yang menarek. Nah, SURIA ada-lah usaha RTB ka-arah itu.

Jangan lupa membuka TV biskita untok berhibor dengan lagu2 lama yang di-persembahkan oleh penyanyi2 baru.



Norleila Ibrahim salah sa-orang artis yang akan menjayakan ranchangan Suria.

10.55 DRAMA SERAM — "Kesarongan"

Satu drama seram tempatan terbitan RTB bagi pertama kali baru sahaja selesai di-rakamkan di-studio A. 'KESARONGAN' penoh dengan "suspense" dan menakutkan, di-chipta sa-mata2 bagi hiboran sahaja.
Cherita ini di-bintangi oleh tiga pelakun2 tempatan terdiri dari Dk. Sharifah, Tamin Abdullah dan Armah Adam yang mana ketiga2 memegang peranan penting. Siapa-kah di-antara mereka ini yang "kesarongan", terpaksa juga di-'suspense' di-sini, dan terpulang-lah bagi Awda semua menyaksikan-nya nanti. Armah Adam sa-bagai IBU yang kurang bertanggongjawab dan kurang kaseh sayang pada anak-nya MINAH yang di-lakunkan oleh Dk. Sharifah. Minah pula, kadang2 sedar dan kadang2 tidak terhadap diri-nya. Osman, (di-lakunkan oleh TAMIN ABDULLAH) suami si-Minah pula makan-angin di-Filipina sedangkan isteri-nya hampir2 mati kena bunoh oleh orang kesarongan.
Keselurohan pemandangan dalam cherita ini di-buat dalam studio A RTB yang di-rekabentok oleh Osman Mohammad, sa-orang perekabentok tempatan yang berbakat, hingga hutan dan hujan ribut di-bena dalam studio sekali.

Penerbit : Pg. Asmalee Pg. Ahmad.

11.45 Pertandingan Nyanyian Amator Asia Perengkat Akhir di-Hong Kong — Awda penunton akan berpeluang sekali lagi untok menyaksikan pertandingan Nyanyian Amator Asia Perengkat Akhir 1978 yang telah di-adakan di-Hong Kong dalam bulan Mei yang lalu.



Rombongan Brunei ka-Pertandingan Nyanyian Amator Asia di-Hong Kong. Pengenalan gambar dari kiri : Awang Yacob bin Haji Sunny (Penerbit Mutika 1978), Dayang Theresa (Pemandu dari RTV), Dayang S. Ros, Awang Othman Paun dan Awang Haji Md Sum (Hakim).

12.56 SIARAN TAMAT.

# SIARAN KHAS DAN RANCHANGAN HARI RAYA

PERKHIDMATAN Bahagian Melayu Radio Talivishen Brunei, akan menyiarkan sa-chara langsong Takbir Hari Raya dari Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan pada malam Raya dan seterus-nya menunaikan sembahyang Raya pada hari raya yang pertama dan Titah perutusan Hari Raya.

Pada malam raya, siaran kami akan di-teruskan dari jam 10.30 malam hingga pukol 1.00 pagi. Dan sekali lagi Perkhidmatan Bahagian Melayu akan ke-udara pada hari raya yang pertama itu, mulai jam 4.30 pagi, dan ini akan memberi peluang kapada umat islam di-negeri ini untok mengikuti siaran langsong bachaan 'Tarhim' dan 'Azan' untok sembahyang suboh serta di-ikuti oleh 'Takbir' di-pagi hari Raya tersebut.

Pada Hari Raya yang pertama, Siaran Melayu RTB akan terus ke-udara di-sepanjang hari, ia-itu mulai dari jam 4.30 pagi hingga jam 12.00 tengah malam. Demikian juga pada hari raya yang kedua dan ketiga, siaran kami ada-lah dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.

Dalam persediaan ranchangan Hari Raya tahun ini lebeh 50 buah ranchangan telah di-sediakan oleh Bahagian Melayu. Ini-lah titek usaha pegawai2 Ranchangan dan Juruhebah2 Sambilan Radio sepanjang bulan Ramadhan. Saperti di-tahun2 yang lepas ranchangan tersebut banyak yang sudah di-rakamkan dan ada pula yang maseh giat di-usahakan. Dan ranchangan2 ini, ada-lah di-hasratkan untok santapan seluroh lapisan pendengar kami, dari kanak2, para penuntut, kalangan belia membawa-lah kapada parajurit dan Pulis. Mereka ini masing2 akan menyumbangkan tenaga dan kebolehan mereka dalam jurusan masing2.

Di-antara ranchangan2 yang akan dapat di-ikuti nanti ia-lah: 'Pestarama Aidilfitri' 'Drama Radio' 'Berbalas Pantun' 'Kugiran Tanah Ayer' 'Kanak2 Berhari Raya' 'Dari Bengkel Penulis' 'Salam mesra untok Penghulu2 dan Ketua2 Kampong' 'Jenaka Rama' 'Terima-lah Sampul Surat-ku' 'Chorat Choret Aidil-fitri' 'Dalam Kenangan' 'Sinar Musik' 'Seloka Di-Aidil-Fitri' 'Dari RTB' 'Rintehan Perantau' 'Rampai Sari Aidilfitri' 'Di-Hari Labaran' 'Astagah Mengapa Kian' 'Ketani Berhari Raya' 'Apa Dia' 'Shaer Jenaka' 'Muhibbah Di-Aidilfitri' 'Hello Siapa Di-sana' 'Gambus Aidil-Fitri' 'Purbawara Jenaka' 'Berhari Raya dengan saudara baru' 'Yang Lama di-lupakan Jangan' 'Purbawara Radio' "DENDANG JURUHEBAH" dan "JURUTEKNIK BERHARI RAYA" serta berbagai2 ranchangan lagi yang berupa hiboran, ada-lah di-antara ranchangan yang akan di-hidangkan untok santapan pendengar2 Radio seluroh-nya.

'PERMINTAAN MELALUI TALIPON' akan kami siarkan di-sebelah malam sa-lama 3 malam berturut2. Kami juga akan menyiarkan 'Uchapan Selamat Hari Raya' dari penuntut2 kita yang kini berada di-seberang laut. Sementara kita semua menantikan menjelang-nya Satu Shawal yang membawa suara Takbir dan Tahmid Adilfitri Hari Raya Mulia, dari kami semua di-Bangunan Radio Talivishen Brunei, menguchapkan Selamat Hari Raya pada umat Islam semua dan maaf zahir batin.

"SELAMAT HARI RAYA"



KELIHATAN Pegawai2 Ranchangan dan juruhebah2 sambilan sedang membuat rakaman di-Studio untok ranchangan "Dendang Juruhebah Aidil Fitri".

## RANCHANGAN UNTOK MALAM RAYA:

### MALAM:

8.30 Perutusan Hari Raya
8.45 Takbir
9.00 Intisari Bahagian Melayu
10.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Berita
10.15 Hari Raya Fitrah 78
10.30 Esok ketani berhari Raya.
12.30 Takbir
12.53 Do'a Restu

### PAGI:

1.00 Penutop dan Siaran Melayu Tamat.

## HARI RAYA PERTAMA:

### PAGI:

4.30 Pembukaan dan susunan ranchangan
4.35 Bachaan Tarhim Siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin. Azan Suboh Menunaikan Sembahyang Suboh.
5.15 Takbir Aidil fitri
5.45 Bachaan Al-Koran
6.00 Takbir Aidil fitri
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
7.05 Takbir dan Menunaikan Sembahyang Hari Raya dari Masjid Omar Ali Saifuddin
8.30 Gambus Aidil fitri
9.30 Sandiwara Radio
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.15 Orkes Perdana
10.45 Keluarga Jaya
11.45 Ramah Mesra Juru2hebah Lama

### T/HARI

12.45 Tanda Waktu dan Warta Berita

### PETANG

1.00 Dendang Juruhebah
3.00 Terima-lah Sampul Surat
3.45 Chorat Choret Aidil fitri
4.30 Harian Special
5.30 Warta Berita
5.45 Dalam Kenangan
6.38 Azan dan Bachaan Al-Koran
6.50 Bingkisan Hari Ini

### MALAM:

7.00 Sinar Muzik
7.30 Intisari Kad Aidil Fitri
8.00 Warta Berita
8.30 Salam Ketua2 Kampong
9.30 Rintihan Perantau
10.00 Tanda Waktu dan Rengkasan Berita
10.10 Uchapan Penuntut2 Seberang Laut
10.30 Permintaan Talipon
11.53 Do'a Restu
12.00 TAMAT.

## HARI RAYA KEDUA

### PAGI

6.00 Pembukaan dan Susunan Ranchangan
6.07 Bachaan Al-Kor'an
6.30 Madah dan Lagu
6.50 Bingkisan Hari Ini
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
7.10 Dendang Hari Raya
7.30 Rampai Sari Adil Fitri
8.00 Astagah
8.45 Suara Bintang2
9.15 Purba Jenaka
10.00 Warta Berita
10.10 Pancharagam Seri Wana Combo
10.45 Keluarga Si Awang
11.45 M. Nordin Show

### T/HARI

12.15 Chitra Irama
12.45 Tanda Waktu dan Warta Berita

### PETANG

1.00 Pentas Aidil Fitri
2.00 Chuba Kebolehan Awda
2.45 Cherpen Hari Raya
3.00 Juru Teknik Berhari Raya
4.00 Kanak2 Berhari Raya
4.45 Sumbangan dari Artis2 Piring Hitam
5.15 Hiboran Raya
5.30 Warta Berita
5.45 Sambil Layan
6.15 Padang Pasir
6.37 Azan dan di-ikuti oleh Bachaan Kor'an
6.50 Bingkisan Hari Ini

### MALAM

7.00 Berhari Raya dengan Saudara2 Baru
8.00 Warta Berita
8.30 Impian
9.30 Kenangan Masam2 Manis di-Aidil Fitri
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Ilahi
10.10 Uchapan Penuntut2 Seberang Laut
10.30 Permintaan Talipon
11.30 Shaer Jenaka
11.53 Do'a Restu
12.00 TAMAT.

## HARI RAYA KETIGA

### PAGI

6.00 Pembukan dan Susunan Ranchangan
6.07 Bachaan Al-Kor'an
6.30 Madah dan Lagu
6.50 Bingkisan Hari Ini
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
7.10 Dendang Hari Raya
7.30 Puspita Aidil Fitri
8.30 Dari Rumah Sakit
9.15 Purbawara Radio
10.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
10.10 Dendang Bakat Lama
11.00 Berbalas Pantun
11.30 Dari Bengkel Penulis

### T/HARI

12.24 Azan untok Dzohor
12.30 Rampaian Tengah Hari
12.45 Tanda Waktu dan Warta Berita

### PETANG

1.00 Zaini Mohd. Taip Show
2.00 Kunjongan Muhibbah di-Aidil Fitri
2.30 Pulis Diraja Berhari Raya
3.34 Tokoh dari RTB
4.30 Puisi Drama
5.00 Salam Orang2 Buta
5.30 Berita
5.54 Serbaneka Aidil Fitri
6.30 Lagu2 Mesir
6.50 Bingkisan Hari Ini.

### MALAM

7.00 Dari Daerah ka-Daerah
8.00 Berita
8.30 Sa-Chebis Kesah
9.00 Gema Irama Aidil Fitri
9.30 Autograph dari Pendengar
10.00 Warta Berita/Pimpinan Ilahi
10.15 Permintaan Talipon
11.35 Langgam Suara
11.53 Do'a Restu
12.00 TAMAT.

## HARI RAYA KE-EMPAT

### PAGI

6.00 Pembukaan dan Susunan Ranchangan
6.07 Bachaan Al-Kor'an dan Makna
6.30 Madah dan Lagu
6.50 Bingkisan Hari Ini
7.00 Tanda Waktu dan Warta Berita
7.10 Dendang Hari Raya
7.30 Bintang Kechil di-Aidil Fitri
8.15 Suara PTE
8.45 Selingan Irama Hari Raya
9.00 Drama Radio
9.30 Pancharagam D Teruna's Group
10.00 Warta Berita
10.15 Hello Siapa Di-Sana
11.00 Lawak Jenaka

### T/HARI

12.15 Irama Gambus
12.30 Sembahyang Juma'at di-Masjid Omar Ali Saifuddin

### PETANG

1.30 Warta Berita
1.45 Nashid
2.15 Drama Radio
3.00 Warta Berita
3.15 M. Nordin Show (SU).
4.15 Langgam Suara (SU)
4.45 Harian Radio Special
5.30 Warta Berita
5.45 Dalam Kenangan (SU)
6.15 Hiboran Petang
6.30 Azan dan Al-Kor'an
6.50 Bingkisan Hari Ini

### MALAM

7.00 Suara Bintang (SU)
7.45 Hiboran Selingan
8.00 Warta Berita
8.30 Sumbangseh Artis2 Piring2 Hitam (SU)
9.15 Serbaneka Aidil Fitri (SU).
10.00 Tanda Waktu dan Berita
10.15 Pimpinan Ilahi
10.15 Rampaian Malam
10.23 Do'a Restu
10.30 TAMAT.



GAMBAR ini juga di-ambil ketika rakaman di-Studio untok ranchangan "Dendang Juruhebah Aidil Fitri".

# BRUNEI MENYERTAI PESTA SOKAN TERBUKA SINGAPURA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei di-jangka akan menghantar ahli2 sokan-nya untok menyertai Sokan Terbuka Singapura yang akan di-langsongkan di-republik itu pada 1hb hingga 3hb September depan.

Berikutan dengan itu, Brunei juga di-jangka akan menyertai Sokan Asia Tenggara, yang akan di-langsongkan di-Bangkok dalam bulan Disember tahun ini. Banyak peserta sokan yang akan menyertai kedua2 achara sokan tersebut, belum lagi di-ketahui sa-takat ini.

Ada-lah di-fahamkan di-antara ahli sokan dari Brunei yang akan menyertai Sokan Terbuka Singapura itu, ia-lah sa-orang olahragawan yang tidak asing lagi bagi kita di-negeri ini. Beliau ia-lah A. Sibidol, yang akan mengambil bahagian dalam achara buang peluru dan melontar lembing bahagian peserta berumor 55 hingga 59 tahun.

Australia di-jangka akan menghantar kontijen-nya yang mengandongi sa-ramai 45 orang. Sementara Sabah akan di-wakili oleh 3 orang ahli sokan-nya dan Sarawak 2 orang yang akan menyertai rombongan pasokan Malaysia.

## 1 PERAK 2 GANGSA

Dalam Sokan Terbuka Singapura 1977 yang lalu, sa-orang ahli sokan dari Brunei, Awang Aliakbar telah memperolehi penghormatan bagi Negeri Brunei apabila memenangi pingat gangsa dalam achara lompat kijang.

Sementara Awang Yakob bin Mohammad dan Awang Rani Metassan, masing2 mendapat 1 perak dan 1 gangsa dalam achara lompat jauh. Dengan itu dalam Sokan tersebut tahun 1977, Brunei hanya memperolehi 1 pingat perak dan 2 gangsa.

Pada tahun 1977 yang lalu, Brunei telah di-wakili oleh 14 orang olahragawan dan olahragawati dalam pertandingan Sokan Terbuka Singapura yang telah di-langsongkan di-Stadium Kebangsaan di-situ mulai 2hb hingga 4hb September.

## JEPUN JUARA SOKAN

Dalam Sokan Terbuka Singapura tahun 1977 itu, Jepun telah menjadi juara sokan tersebut dengan mengatasi negara2 lain dan Singapura di-tempat kedua .Yushimoto dari Jepun telah memechahkan rekod sokan itu dalam achara lompat kijang dengan lompatan-nya sa-jauh 15.75 meter berbanding dengan rekod lama 15.33 meter yang di-chipta oleh peserta dari India.

## PERLAWANAN RAGBI

Brunei telah di-jemput untok menyertai perlawanan ragbi yang akan di-langsongkan di-Kuala Lumpur, Malaysia, yang di-jadualkan berlangsong dalam bulan Nobember akan datang. Perlawanan tersebut di-kelolakan oleh Persatuan Ragbi Asean.

Ada-lah di-fahamkan, kali ini Brunei akan menghantar rombongan pasokan ragbi-nya yang terdiri atau kebanyakan-nya pemain2 tempatan berbanding dengan penyertaan pasokan ragbi pada masa yang sudah2.

Sementara itu, Setia Usaha Agong Majlis Sokan Negeri Brunei, Pengiran Idriss, menyeru kapada ahli2 sokan di-negeri ini supaya sentiasa mengadakan latehan serta giat dalam lapangan sokan masing2.

Pengiran Idriss yang juga sa-laku Ketua Pegawai Belia dan Sokan, telah menghadhiri penubohan rasmi Persatuan Bola-tampar Brunei, baru2 ini. Tujuan utama persatuan tersebut ia-lah untok menggalakkan serta meninggikan lagi mutu permainan bola-tampar di-negeri ini.

BELIA DAN SOKAN

# KURSUS LATEHAN BADMINTON BELIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan akan menganjorkan Kursus Latehan Badminton yang akan di-jalankan oleh sa-orang Jurulateh Badminton dari Singapura yang berpengalaman. Beliau ia-lah Awang Koh Kum Seng.

Menurut sa-orang juruchakap di-jabatan tersebut bahawa latehan itu akan di-mulakan sa-minggu sa-lepas Hari Raya Aidil Fitri, bertempat di-Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, mempelawa kapada peminat2 badminton di-negeri ini untok memasoki latehan tersebut dengan terlebeh dahulu mengisikan borang khas yang telah di-sediakan oleh jabatan tersebut.

Kata-nya, semua permohonan untok menyertai Kursus Latehan Badminton itu, terlebeh dahulu akan di-tapis untok pemilehan.

Sementara itu di-fahamkan Jurulateh Bolasepak Kebangsaan, Awang Duncan McDowell, memberhentikan sementara latehan bolasepak sa-waktu bulan puasa ini dan akan menyambong-nya sa-mula sa-lepas Hari Raya Aidil Fitri.

Langkah ini di-ambil ada-lah bagi membolehkan pemain bolasepak yang berugama Islam dapat menunaikan ibadat puasa dalam bulan Ramadhan ini. Bukan sahaja sa-takat permainan bolasepak memberhentikan sementara kegiatan-nya, malahan kegiatan sokan2 lain juga meniadakan ranchangan2-nya sapanjang bulan puasa ini.



# NAK BELI KUEH WI?

SA-BANYAK 15 jenis kueh biskut sedang di-jual kapada orang ramai bertempat di-Dapor Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. Kueh2 bagi persediaan menyambut Hari Raya Aidil Fitri itu ada-lah hasil usaha serta kerajinan ahli2 Perkumpolan Perempuan Brunei (WI) sabagai projek tahunan-nya. Gambar atas menunjokkan sa-bahagian kueh2 itu di-masokkan ka-dalam pelastik untok pelanggan-nya sementara gambar bawah menunjokkan ahli2 WI sedang giat menyediakan bahan2 menurut adunan masing2 jenis kueh. Orang ramai yang berhajat untok membeli kueh2 WI itu boleh-lah berhubong sa-chara langsong ka-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.



## JOHAN DAN NAIB JOHAN BADMINTON

**GAMBAR kanan menunjokkan Johan dan di-apit oleh Naib Johan Badminton Belia bahagian (bergu wanita) manakala gambar kanan bawah ia-lah Johan dan Naib Johan bergu lelaki, bergambar bersama2 oskar rebutan dan piala2 kemenangan sa-jurus salepas upachara penyampaian hadiah2. Pertandingan Badminton Belia yang baru itu telah di-anjorkan oleh Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan sa-bagai salah satu projek tahunan-nya.**





## Lumba Motosikal Berhalangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 20 orang pelumba motosikal Brunei, yang di-ketuai oleh Awang Shamsuddin Idris akan menyertai lumba motosikal berhalangan yang akan di-langsongkan akhir bulan ini di-Pantai Tanjong Lubang, Miri, Sarawak.

Perlumbaan itu di-anjorkan sa-bagai salah satu achara sambutan hari kebangsaaan Malaysia tahun ini.

Ada-lah juga di-fahamkan pelumba motosikal dari Brunei di-jangka akan mengambil bahagian dalam perlumbaan yang sama yang akan di-langsongkan di-Limbang, bulan depan.

Semua motosikal2 yang akan di-lumbakan oleh peserta dari Brunei ada-lah di-bekalkan oleh sa-orang penjual motosikal di-Bandar Seri Begawan sini.

Tahun lalu, pelumba2 motosikal Brunei telah memenangi semua perlawanan yang berlangsong di-Miri. Mereka juga menchapai kejayaan yang sama dalam tahun 1976.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEGAWAI PERPUSTAKAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Pegawai Perpustakaan di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Lulus lima mata-pelajaran Perengkat Biasa dalam Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya; dan

b) Mempunyai bakat dan pengalaman dalam kerja2 perpustakaan;

ATAU

c) Lulus tiga mata-pelajaran Perengkat Biasa dalam Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya; dan

d) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 perpustakaan sekurang2-nya sa-lama satu tahun;

ATAU

e) Lulus Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan berpengalaman dalam kerja2 perpustakaan sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dan pernah mengikuti kursus khas dalam bidang perpustakaan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB. 4-5 — $625-657-689-720-752-784/ EB /854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097 - 1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Oktober, 1978.

(E/688/78 — Bil: 89/1978)

## Sa-bagai Pembantu Operations

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Pembantu Operations di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mempunyai Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge (Perengkat Biasa), atau kelulusan yang sebanding dengan-nya, dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris, Ilmu Hisab atau Fiziks.

b) Faseh bertutor dan menulis bahasa Inggeris.

c) Mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman dalam hal2 penerbangan awam.

d) Chalon di-kehendaki memperolehi atau dapat memperolehi dalam jangka waktu yang pendek Lisen Juruterbang Private serta mempunyai kebolehan untok memperolehi "Instrument Rating" dan melayakan diri kelak untok memperolehi lisen juruterbang professional. Latehan untok memperolehi kelayakan2 ini di-sediakan.

e) Chalon mesti-lah bersungguh2 dan sedia mempelajari dengan seberapa banyak yang boleh mengenai penerbangan awam untok memperbolehkan-nya membuat keputusan2 berdasarkan kapada pengetahuan asas mengenai kawalan Terafik Udara, Kajichuacha dan Talikom Penerbangan Awam.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 2 EB. 3—$1071-1109-1148-1186 - 1224 - 1275 - 1326 - 1377 - 1428 /EB/1479 - 1530 - 1581 - 1632 - 1683.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb. Oktober, 1978.

(E/157/78 — Bil: 87/1978)

## Penjaga Gubah Makam Diraja

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Penjaga Gubah Makam Di-Raja, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mahir dalam membacha Al-Quran dan mengetahui rukun2 Ugama Islam.

c) Mengetahui dan bersedia bagi mengapan dan membacha Talqin dan tahlil dan yang seumpama-nya bila2 masa di-kehendaki.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji U. 2 — $383-395-434-446-485-497-510-536-548-561/ EB /574-587-599-650-662-682-695-708-720-759.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb September, 1978.

(E/25/74 — Bil: 84/1978)

## TAWARAN BARANG2 MENTAH MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN 1979

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untok membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Maktab yang tersebut di-atas.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokan dalam sampol surat berdaftar (sealed) dan sampol tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN 1979" sahaja, tanpa membuboh nama pengirim.

3. Wang *chengkeram* sa-banyak $100.00 bagi satu tawaran hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan Tingkat Pertama, Bilek No. 202 pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sehingga pada 25hb September, 1978 jam 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran tidak lewat pada 26hb September, 1978 hari Selasa jam 4.00 petang dan jika ada sebarang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1½, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu Maktab itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya di-jangka akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb January hingga 31hb December, 1979.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran2 yang lebeh murah atau seumpama-nya.

## SALE BY TENDER OF UNSERVICEABLE STORES

LOT 40

1. Please submit your tender for items of unserviceable stores shown below.
2. Tenders are to be submitted to the Commander RBMR and placed in the Guard Room Tender Box Berakas Camp by 1300 hrs Thursday the 31st of August 1978.
3. Tenders received after this time will be rejected.
4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. All envelopes must be endorsed Lot 40 RBMR.
6. Goods can be inspected at the Return Stores Sub-Depot Bolkiah Camp until 1300 hrs Wednesday 30th August 1978.
7. All Goods are offered "As Lying" and must be removed by successful tenderer within 14 days of notification.

| Serial No. | Item | Qty. |
|---|---|---|
| 1. | Mattress Single F/R | 110 |
| 2. | Mattress Double F/R | 19 |
| 3. | Pillow F/Rubber | 191 |
| 4. | Cushion Seat F/R | 40 |
| 5. | Cushion Back F/R | 40 |
| 6. | Bin Barrack | 24 |
| 7. | Chair Alluminium | 5 |
| 8. | Suitcases | 32 |
| 9. | Camera | 3 |
| 10. | Watch | 6 |
| 11. | Binoculars | 2 |
| 12. | Cupboard Steel 6'x3' | 1 |
| 13. | Chairs Steel Folding | 23 |
| 14. | Electric Irons | 2 |
| 15. | Mirror | 2 |
| 16. | Pot Oil 1pt | 1 |
| 17. | Battery 24v | 1 |
| 18. | Heater Water Urn | 1 |
| 19. | Chair Executive | 2 |
| 20. | Fluorescent Lantern | 1 |
| 21. | Double Pedestle Desk | 2 |
| 22. | Hydraulic Jack 4 Ton | 2 |
| 23. | Tow Chain | 2 |
| 24. | Basket Waste Paper Metal | 2 |
| 25. | Electric Coffee Master | 1 |
| 26. | Kettle Alluminium | 2 |
| 27. | Chair Plastic Stacking | 1 |

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

### No. 153 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th Sept., 1978 for :—

WASTE WATER CONNECTION FROM FISH MARKET TO MAIN SEWER BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 159 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 5th September, 1978 for:—

REPAIR WORKS ON EXISTING B.S.B. TOWN DRAINS AND CONSTRUCTION OF R.C. DRAIN IN FRONT OF BALAI BOMBA, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 160 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th August, 1978 for :—

EXCAVATING APPROXIMATELY 18,000 CU. YDS OF FILL MATERIAL AND SPREADING AND CONSOLIDATING OVER SITE OF RICE PROJECT BUILDING COMPLEX AT LIMAU MANIS.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 161 OF 1978

TENDERS will be received from specialist Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 12th September, 1978 for :—

EXTERNAL REPAINTING WITH THOROCOAT AND GENERAL REPAIR AND INTERNAL REPAINTING TO 5 BLOCKS 5 STOREY QUARTERS AT POLICE HEADQUARTERS, GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 162 OF 1978

FRESH Tenders will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 12th September, 1978 for :—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 1 UNIT 6-7 TONS FLAT-BED WITH HIAB HOIST.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of the Director of Public Works, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 163 OF 1978

TENDERS will be receievd from Class "A" only P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 12th September, 1978 for :—

CONSTRUCTION OF THE DRAINAGE SYSTEM, ROAD SIDE KERBS AND METAL RAILINGS AT THE PROPOSED SECURITY BARRACKS AT ISTANA TETAMU, MILE 3 JALAN BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 164 OF 1978

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 12th September, 1978 for :—

THE SUPPLY OF 60,000 TONS OF UNCRUSHED STONE TO BERAKAS DEPOT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 165 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 12th September, 1978 for :—

DEMOLITION OF 4 No. GOVERNMENT QUARTERS AND KEDAI MAKAN FOR THE IMPROVEMENT OF ROAD JUNCTIONS AT HOSPITAL AND JALAN TASEK LAMA/JALAN SEKOLAH, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

1 TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Public Works Department Contractors Class 'AX' and above up to 12.00 noon on Tuesday 12th, September 1978 for :—

THE CONSTRUCTION OF NEW RETAINING WALL, BOLKIAH CAMP AT JALAN BERAKAS, BANDAR SERI BEGAWAN.

2 Tender documents may be obtained from the office of

Ho Kwong Yew dan
Anak2 Akitek2,
406, Bangunan Guru2
Melayu Brunei,
Jalan Kianggeh,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

from 23rd August 1978 during normal office hours.

3. The tender deposit is $300.00 made in favour of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2 and is refundable to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.

4 Tenders must be placed in the envelope provided and must not bear any indication of the name of the tenderer.

5 Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

6 The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH ARAB LAKI2 HASSANAL BOLKIAH 1979

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untok membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Sekolah Menengah yang tersebut di-atas.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokan dalam sampol surat berdaftar (sealed) dan sampol tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH MENENGAH ARAB LAKI2 HASSANAL BOLKIAH 1979" tanpa membuboh nama pengirim.

3. Wang chengkeram mengenai tawaran tersebut hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan tingkat pertama bilek No. 202, sebanyak $100.00 untok satu tawaran pada bila2 masa waktu Pejabat di-buka sehingga pada 25hb September, 1978 jam 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran tidak lewat pada 26hb September, 1978 hari Selasa jam 4.00 petang dan jika ada sebarang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Sekolah Menengah Arab Laki2 Hassanal Bolkiah, Batu 1½, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu Sekolah itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya di-jangka akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb January hingga 31hb December, 1979.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran2 yang lebeh murah atau seumpama-nya.

## TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH UGAMA (ARAB) MENENGAH RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT 1979

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untok membekalkan barang2 mentah bagi keperluan Sekolah Menengah yang tersebut di-atas.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokan dalam sampol surat berdaftar (sealed) dan sampol tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN BARANG2 MENTAH SEKOLAH UGAMA (ARAB) MENENGAH RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT 1979" tanpa membuboh nama pengirim.

3. Wang chengkeram mengenai tawaran tersebut hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan tingkat pertama bilek No. 202, sebanyak $100.00 untok satu tawaran pada bila2 masa waktu Pejabat di-buka sehingga pada 25hb September, 1978 jam 3.00 petang.

4. Semua tawaran2 hendak-lah sampai kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran tidak lewat pada 26hb September, 1978 hari Selasa jam 4.00 petang dan jika ada sebarang tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam yang di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

5. Keterangan2 lanjut dan borang2 tawaran boleh-lah di-perolehi daripada Pengetua Sekolah Ugama (Arab) Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Batu 1½, Jalan Tutong Brunei pada bila2 masa waktu Sekolah itu di-buka.

6. Pemborong2 yang berjaya di-jangka akan memulakan perkhidmatan ini mulai 1hb January hingga 31hb December, 1979.

7. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran2 yang lebeh murah atau seumpama-nya.



Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud bin Haji Bakyr beruchap di-Majlis Penyampaian hadiah kapada pemenang Peraduan Tulisan Rumi dan Jawi. — Gambar ehsan DBP.

# BERI PERHATIAN, DIDEKAN DAN AMALAN HIDUP KPD. ANAK2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kanak2 sa-bagai anggota muda dalam masharakat patut-lah di-beri perhatian, didekan dan amalan2 hidup yang sempurna supaya apabila mereka dewasa nanti mereka akan dapat membentok yunit2 keluarga sendiri agar sendi negara akan terus tegak dan kukoh.

Kerana itu dengan mengadakan Peraduan Tulisan Jawi dan Rumi di-kalangan kanak2 yang telah di-anjorkan oleh Perpustakaan Kanak2 Dewan Bahasa dan Pustaka, ada-lah bertujuan untok menchapai sendi kestabilan masharakat yang merupakan keharmonian dan kekukohan ikatan anggota2 dalam yunit keluarga itu tadi.

Demikian antara lain yang dijelaskan oleh Awg Mahmud bin Haji Bakyr, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka ketika beruchap di-Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Tulisan Jawi dan Rumi bagi kanak2 pada 24hb Ogos yang baru lalu.

Dalam majlis yang telah dilangsongkan di-Bilek Kuliah DBP itu, Awg Mahmud berkata Peraduan Tulisan Jawi dan Rumi tersebut ada-lah di-antara beberapa kegiatan2 Perpustakaan DBP untok menarek minat kanak2 kapada kerja2 yang berfaedah di-samping sa-chara tidak langsong membawa mereka masok ka-bilek perpustakaan.

Kata-nya, dengan pengalaman pertama masok ka-bilek perpustakaan, dan berterusan sa-hingga membawa kejayaan dalam hidup mereka tentu-nya akan memberi sumbangan besar kapada pembangunan negara.

"Saya perchaya ibu-bapa akan bersetuju dengan saya bahawa ada-lah lebeh berfaedah anak2 kita itu menghabiskan masa lapang mereka sa-jam dua jam di-bilek perpustakaan daripada berlangkur sepanjang hari bermain kikek atau berluchek tanah bermain guli", terang Awg Mahmud sa-terus-nya.

Pengarah Dewan Bahasa itu juga menyatakan rasa puas hati-nya kerana sambutan ibu-bapa dengan menggalakkan anak2 mereka memasoki peraduan tersebut di-seluroh negeri, bagaimanapun beliau dukachita kerana kurang-nya sambutan dari ibu-bapa di-Daerah Temburong yang hanya mengemukakan 8 orang peserta kanak2 ka-peraduan itu.

Perkara tersebut kata-nya akan di-ambil ingatan oleh Perpustakaan DBP supaya terus berikhtiar untok melibatkan pendudok2 di-daerah itu dalam sebarang kegiatan perpustakaan, di-mana jelas-nya dalam kegiatan pembangunan bangsa semua komponen masharakat ada-lah terlibat; tidak ada pemerhati atau orang yang berdiri atas pagar.

Peraduan yang terbahagi kapada dua bahagian; Bahagian A bagi tulisan rumi untok kanak2 yang berumor 6 hingga 7 tahun dan Bahagian B bagi tulisan jawi untok kanak2 yang berumor 8 hingga 12 tahun itu di-adakan dalam dua perengkat — daerah dan negeri.

Sa-ramai 167 orang kanak2 dari seluroh negeri telah menyertai peraduan itu yang mana hanya sa-ramai 16 orang yang berjaya di-perengkat daerah memasoki perengkat negeri.

Pemenang pertama dalam bahagian A ia-lah Awang Mohd Noor Ariffin bin Haji Sabtu (Daerah Brunei/Muara); Dayang Siti Aminah binte Maidin (Daerah Brunei/Muara) mendapat tempat kedua dan pemegang ketiga ia-lah Dayang Zaharah binte Karia (Daerah Belait).

Dayang Rogayah binte Mudim Haji Wahid (Daerah Brunei/Muara) mendapat tempat pertama dalam bahagian B; tempat kedua di-menangi oleh Dayang Barizah binte Ibrahim (Daerah Brunei/Muara) dan Dayang Salyahrinah binte Haji Yahya (Daerah Tutong) memenangi tempat ketiga.



Pemenang pertama dalam Bahagian A, Awang Mohd Noor Ariffin bin Haji Sabtu (kiri) dan pemenang pertama dalam bahagian B, Dayang Rogayah binte Mudim Haji Wahid. Sementara gambar bawah kelihatan peserta2 yang berjaya ka-perengkat negeri bergambar dengan hadiah2 sagu hati. — Gambar2 ehsan DBP.



## Pepereksaan Sijil Perdagangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan Sijil Perdagangan aliran Melayu dan Inggeris akan di-adakan dalam bulan Disember depan. Pepereksaan yang di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institute (M) Singapura itu akan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa, Brunei dan akan di-adakan pada 15hb, 17 dan 22hb Disember.

Sa-banyak 14 buah pusat pepereksaan di-seluroh negeri akan di-sediakan untok mengadakan pepereksaan tersebut. Tujoh buah pusat pepereksaan akan di-adakan bagi chalun2 di-Daerah Brunei/Muara ia-itu di-Sekolah Melayu Pusar Ulak, Sekolah Menengah Melayu SMJA, Maktab SOAS, Sekolah Rendah P.A.P. Besar, Sekolah Melayu Sengkurong dan Sekolah Melayu Tanah Jambu.

Pusat2 pepereksaan bagi chalun2 di-Daerah Belait ia-lah di-Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam dan Maktab Anthony Abell.

Bagi chalun2 di-Daerah Tutong pula, pepereksaan akan di-adakan di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Sekolah Melayu Tumpuan Telisai dan Sekolah Melayu Kiudang sementara chalun2 bagi Daerah Temburong pepereksaan akan di-adakan di-Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan.

Bayaran bagi memasoki pepereksaan ada-lah saperti berikut: Bagi trengkas perengkat permulaan ia-lah $11.00; perengkat menengah — $13.00 dan perengkat tertinggi—$16.00 Trengkas (reporting speed) ia-lah $21.00.

Bayaran bagi pepereksaan menaip perengkat permulaan ia-lah $9.00; perengkat menengah $11.00 dan perengkat tertinggi — $13.00.

Simpan-kira perengkat permulaan — $12.00 dan perengkat menengah — $13.00. Steno Melayu/Stenography Test perengkat junior — $13.00 dan senior — $21.00. Menaip Ujian Pantas perengkat menengah tertinggi — $10.00.

Chalun2 yang akan memasoki pepereksaan Steno hendak-lah mempunyai kebolehan menulis trengkas 80 perkataan sa-minit dan menaip 20 perkataan sa-minit bagi pepereksaan junior dan kebolehan menulis trengkas 110 perkataan sa-minit dan menaip 30 perkataan sa-minit bagi memasoki peperekaan perengkat senior.

Bayaran memasoki pepereksaan hendak-lah dengan wang tunai. Bayaran ini sah bagi bulan chalun itu memasoki pepereksaan sahaja dan bayaran pepereksaan ini tidak boleh di-balekkan.

Chalun2 hendak-lah mengisikan dengan penoh TIGA borang berkembar yang di-sediakan oleh Pejabat Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa, Brunei. Ia-itu BORANG T.M.I., BORANG A dan BORANG B. Hanya chalun2 yang menggunakan borang yang di-sediakan sahaja di-terima masok mengambil pepereksaan.

Orang2 dewasa yang belajar di-Kelas2 Pelajaran Dewasa, di-Kelas2 Perdagangan serta mempunyai kedatangan belajar yang memuaskan dan mendapat sokongan dari guru-nya sahaja yang di-terima masok mengambil pepereksaan ini.

Chalun2 yang masok pepereksaan MENAIP mesti-lah mempunyai Jentera Taip sendiri pada masa menghadapi pepereksaan.

Borang2 masok pepereksaan mesti-lah di-serahkan kapada guru2 Kelas Perdagangan yang berkenaan dan guru2 itu akan menyerahkan borang2 tersebut kapada Penyelia Pelajaran Dewasa di-sekolah masing2.

Penyelia2 Pelajaran Dewasa yang berkenaan akan mendaftarkan nama chalun2 yang memasoki pepereksaan ka-dalam BORANG C yang telah di-sediakan dan sa-telah itu hendak-lah menyerahkan borang2 tersebut bersama bayaran-nya sa-kali ka-Pejabat Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa, Brunei.

Pemohon2 hanya di-benarkan mengambil pepereksaan Satu Peringkat sahaja pada tiap2 mata-pelajaran.

Permohonan2 chalun di-terima mulai dari 11hb September hingga 2hb Oktober, 1978. Permohonan2 yang lewat di-terima dari tarikh di-atas tidak di-layan.

## Patohi peratoran lalu-lintas

Dari muka 1

Pulis lalu-lintas sedang melipat-gandakan usaha mereka untok membuat kawalan2 untok membanteras memandu dengan laju, chuai dan pemandu2 yang semberono, gegabah atau "angkis" ataupun apa yang di-sebut oleh orang2 kita Brunei "kambang".

Baru2 ini, sa-orang tua berumor 73 tahun yang sedang berjalan kaki, Awang Haji Jamaluddin bin Tarip dari Kampong Ayer telah meninggal dunia apabila ia di-langgar kereta.

Pehak Pulis memberi amaran kapada semua pengguna2 jalan raya supaya mengamalkan sifat hormat-menghormati dan patoh kapada peratoran2 ketika sedang berada di-jalan raya. Kemalangan akan dapat di-kurangkan jika semua orang patoh kapada apa yang telah di-atorkan dan di-sibarkan melalui sibaran2 'am.